Mr Speaker, Sir, it is most unreasonable for the Municipality not to allow commercial shops in the centre portion of the street to do business when at the upper and the lower ends of the same street, shops are allowed to do so. Sir, upon appeal each of these shops is now required to pay thousands of dollars to the Municipality so as to enable the Municipality to widen the street in order to facilitate re-zoning. This is highly inconsistent and illogical, because what is needed to re-zone it could be done by a mere stroke of the pen. There are other instances where rezoning is done without the people concerned having to pay for the road-making. Take the case of foreign-owned Weld Road Supermarket. Has the Supermarket paid road contributions to the Municipality for that site to be rezoned from residential into commercial?

Sir, again on behalf of these shops. I would like to appeal to the Honourable Ministers to take into account the hardships caused to these people and to withdraw those summonses and to have the centre portion of Jalan Imbi re-zoned without putting in all sorts of inconsistent obstacles and fantastic financial demands. If these firms are unreasonably forced to close down, there will be more people thrown out of their jobs, which will aggravate the unemployment problem in the urban areas.

One solution, Sir, I think, to overcome the unemployment situation, is that I would like to suggest that the meters for car parking in Kuala Lumpur be removed and instead the Municipality should employ car park attendants. This will give more employment to our youth and at the same time keep them fully occupied. Why install costly parking meters which are suitable to the economy of Western countries where labour is scarce? Parking meters are capital-intensive and not labour-intensive. These are certainly not

suitable to our needs and economic requirements when we have so much abundant human and labour resources.

Finally, Sir, I would like to touch on another point, that is, better employer/employee relationship. Many reporters in the Government mass media, such as Television, Radio and Department of Information newspapers are poorly paid. As these mass media and newspaper reporters have a very important role to play in the society, it is important to avoid potential industrial unrest in this sector and I hope the Ministry of Labour would assist the reporters to get better pay and better working conditions, so that they could work harder and better for the well-being of their respective organisations. Thank you, Sir.

Tuan Sim Boon Liang (Sarawak): Mr Speaker, Sir, I wish to touch on a few points in this general debate on the Development Estimates.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: You have to ask for permission first if you want to speak in English.

Tuan Sim Boon Liang: Sir, I come from Sarawak and I am entitled to speak in English. Sir, I wish to touch on a few points in this general debate on the Development Estimates. First, I refer to the Budget speech made by the Honourable Minister of Finance two weeks ago in connection with these Development Estimates, 1969. Sir, from the Budget speech of the Minister of Finance, one understands that the overall deficit of \$666 million for the development in Malaysia will be financed by foreign and domestic borrowings and the draw-down of reserves. This means that the Government should find such amounts from loans during the year, otherwise the whole projects mentioned on paper in these Development Estimates will not be able to carry on. Sir, if the Alliance Government could find such money from borrowings, then naturally the Public Debts will be increased. But anyhow, I urge that the Central Government should see that whether all monies from borrowings would be poured

into these development projects in a proper way and not to spend unnecessarily.

Secondly, I would again touch on the Budget speech of the Finance Minister who did not mention even a word about the unemployment in Sarawak—but he did mention only that most of the unemployed was in West Malaysia. Sir, it is not true. Is the Honourable Minister of Finance aware that there are thousands of unemployed in Sarawak? Now, here, I would simply touch on the educated unemployed for 1967 and 1968. Sir, in 1967, there were 6,191 pupils who sat for the Sarawak Junior Certificate Examination; 1,645 were selected to continue their study in Form IV, while the remainder—4,546 pupils—would have to find their way into private schools or channels of employment. Again, Sir, another 7,000 pupils who sat for last year's Sarawak Junior Certificate Examination, only half of them would get into Form IV this year, the remaining half have to leave school to find employment. Not only this, Sir, but thousands of Form V pupils are still seeking for jobs. As I understand it, all of them still remain unemployed. Can the Government solve the unemployment problem in Sarawak? When will an Employment Office be set up in Sarawak to assist both job-seekers and employers? It is wrong for the Government to be in complete ignorance of the state of affairs and the tendency of these problems.

However, Sir, I feel that there are many other ways in which our output of educated young people can be provided with satisfactory and beneficial employment in the agricultural field. The scope of the agricultural work in Sarawak is broader and it is to land that the majority of our young people must turn to eventually. A major success in this direction can only be achieved, when our young people are able to see for themselves how the agricultural situation when put into practice in the correct system can bring them benefit. Sarawak is primarily an agricultural State and will continue to be one for many years to come and

will continue to focus our efforts on agricultural improvement, and for that purpose we must direct all our rural youths and as many as possible of our urban youths into some phase of agriculture.

Next, I come to education. Sir, I would suggest to the Government that Sarawak should start to re-orientate its secondary education on a more practical basis. Agricultural Science should be introduced to be taught in the secondary schools, especially in the rural secondary and Government secondary schools. These schools should also include workshops for the teaching of industrial arts. Sir, at least one vocational school should be built in each Division of Sarawak, and new technical courses should be introduced, so that the children in each Division will have the same opportunity for learning. More Farm Institutes should be constructed for training pupils who have passed Form III with Grade III Certificates to undergo an advanced course in agriculture.

Sir, I think all these will enable the pupils to prepare themselves for earning their living by farming, carpentry, repairing, engineering, etc., and should not rely on "white collar" jobs. What we should do now, Sir, is to educate our children to fit them into the life that Sarawak can offer them after they leave schools.

Regarding the building of Government secondary schools in Sarawak, Sir, I would suggest to the Government that the design of the buildings should be built for improvements, and should be of a permanent structure, so that the school buildings would harmonise with those in West Malaysia; otherwise it is not fair. I hope the Federal Government should not only think of harmonisation of taxation, but should also consider harmonisation of benefits.

Now, Sir, touching on court houses, I agree with the Honourable Minister of Justice who spoke and hit out at the unsatisfactory condition of the court buildings in West Malaysia during his official tour to Perak last year. When we mention about court houses, Sir,

you will find that many of the court houses in Sarawak are also in an unsatisfactory condition. To this, Sir, the Federal Government should not blame the Judges or the Magistrates in Sarawak, because no funds have been allocated by the Federal Government for improving court houses in Sarawak and to purchase new furnitures. If you look at the Estimates here, you will see that there is really no provision allocated therein. Therefore, I urge that the Government should do something in order to improve the condition of the court in Sarawak by providing sufficient funds for development.

Lastly, Sir, referring to agriculture, I find that there are schemes and subsidies for many forms of agriculture, but when we look into it the distribution has not been fairly done. We can only see schemes and subsidies for padi, coconut, rubber and some other agricultural enterprises. It is inconceivable that no plan has been made for sago planters. Sir, this subject had been raised by me several times in this House, and even in the Sarawak Council Negri, but so far no action has been taken yet by both the State and the Federal Governments with regard to sago planting. Sir, is that because sago is not considered important enough as an export crop to warrant much attention? In the interest of the nation as a whole and the success of the Development Plan in particular, I wish to suggest that the Government must see to it, and to avoid any criticism from the public, especially from the Melanaus, that the Government is only interested in implementing a few agricultural developments excluding sago in certain areas and for the benefit of certain areas only, but ignoring the sago planting in Sarawak, especially in the Third Division where there are suitable lands.

In conclusion, Sir, I would like to say that Malaysia is a multi-racial country with people of many races

living together, and tolerance, racial and communal harmony are so important to all of us. Therefore, we must preserve them. As we are all citizens and people of Malaysia, we must think and work for the good and betterment of our nation. We must have goodwill, co-operation, friendship and better understanding among ourselves. No matter what race or creed we belong to, and to which political party or organisation we belong, we should work together for the common good and strive not only for the good of a particular race or organisation, but for the interest of our country and the people as a whole.

Therefore, Sir, I urge that the Alliance Government should look at the development of the country properly and the welfare of the people for the national interest and above party politics. Thank you Sir.

Tuan Tiah Eng Bee (Kluang Utara):
Tuan Yang di-Pertua, kita mengetahui yang negara kita menjalankan ranchangan pembangunan dan kemajuan semenjak Perikatan memerintah di-dalam lapangan sosial, iktisad dan kebudayaan, dan oleh itu saya akan menyentohi di-dalam ucapan saya hanya sedikit perkara yang saya fikirkan penting di-dalam Meshuarat Dewan Ra'ayat bagi belanjawan tahun 1969.

Dasar Kerajaan Perikatan ia-lah meninggikan taraf hidup tiap² sa-orang di-negara kita ini. Semua Kementerian dan Jabatan² Kerajaan ada-lah di-beri kewajipan dan tanggungan bagi mereka menjalankan pekerjaan supaya semua orang di-negara kita dapat menchapai tujuan dasar Kerajaan Perikatan.

Di-atas dasar² Kerajaan bagi menchapai kemajuan di-negara kita ini, saya suka menguchapkan tahniah kapada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di-atas ranchangan pembangunan terutama sa-kali di-luar bandar dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran di-atas ranchangan bagi memajukan lagi pelajaran di-negara kita ini. Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri sa-bagai Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menjalankan rancangan pembangunan yang telah membolehkan orang² di-luar bandar meninggikan taraf hidup mereka dan pendapatan mereka. Orang² yang menduduki di-luar bandar yang ada berkehendakkan dan suka hendak bekerja bagi mencapai kemajuan telah sahingga sekarang mendapat pendapatan yang berlipat-ganda bila di-bandingkan dengan masa sa-belum Merdeka dahulu. Dengan Rancangan Pembangunan Luar Bandar yang di-jalankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan kemudahan² yang telah di-adakan oleh semua Kementerian dan Jabatan mengikut Rancangan Pembangunan Luar Bandar ini, maka orang² di-luar bandar bolehlah di-katakan telah mendapat dengan satinggi²-nya nikmat kemerdekaan. Saya perchaya dengan panjangan pimpinan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, pembangunan di-Malaysia, terutama sa-kali di-luar bandar, akan terus meningkat taraf yang lebeh tinggi dan besar di-masa kahadapan. Saya suka juga mengetahui yang Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan membesarkan lagi pembukaan tanah baharu oleh F.L.D.A., sunggoh pun F.L.D.A. telah sa-hingga masa ini menjalankan banyak rancangan² pembukaan tanah di-negara kita ini, yang telah memberi pendapatan yang besar kepada banyak orang² di-luar bandar.

Di-atas dasar Kementerian Pelajaran membanyakkan lagi pemuda-pemudi belajar di-dalam lapangan technical, saya perchaya yang Dewan Ra'ayat ini akan memberi sokongan yang penoh. Saya suka juga melihat yang Kementerian Pelajaran akan membanyakkan lagi sekolah² tinggi bagi pemuda² pemu di-negara kita, terutama sa-kali di-kawasan saya, Kluang, yang sedang pesat dalam pembangunan yang juga menjadi pusat bandar bagi kawasan yang di-sakeliling-nya. Oleh itu saya harap sekolah untuk membolehkan murid² mengambil pelajaran H.S.C. dapat di-adakan di-kawasan saya itu, ini supaya mereka boleh mengambil bahagian di-dalam serba-serbi pekerjaan di-negara kita ini.

Bagi mencapai tujuan meninggikan pendapatan dan taraf hidup orang² di-negara kita ini, Kerajaan telah juga menggunakan Kementerian Kesihatan bagi mengelakkan lagi perkhidmatan di-rumah sakit dan perkhidmatan perubatan dan kesihatan bagi orang² di-luar bandar. Di-sebabkan perkhidmatan² perubatan dan kesihatan yang telah di-adakan semenjak Kemerdekaan kita, angka² kematian di-negara kita ini ada-lah kurang dari sa-tahun ka-satahun dan kematian kanak² lepas lahir pun kurang dari tahun ka-satahun. Dan juga dari Rancangan Kementerian Kesihatan bagi memperbaiki lagi kesihatan orang² di-luar bandar maka di-dapati yang kesihatan orang² di-luar bandar ada-lah bertambah baik dan oleh itu mereka boleh bekerja lebeh daripada dahulu. Dari dasar Kesihatan ini yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan, maka kita dapati yang pengeluaran dan pendapatan orang² di-luar bandar ada-lah bertambah.

Saya suka mengatakan Rancangan Pembangunan dan Kemajuan Kerajaan di-dalam bandar² dan luar bandar. Yang sangat menarek perhatian ia-lah Rancangan Kerajaan membuat rumah² murah di-dalam bandar dan di-luar bandar dan Rancangan Perumahan ini telah berjalan dengan chepat-nya oleh kerana pimpinan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Saya perchaya mengikut dasar yang berjalan sekarang ini Kerajaan kita akan dapat mencapai tujuan supaya negara kita ini akan menjadi satu negara demokrasi yang orang²-nya mempunyai harta atau rumah.

Dan juga bagi pembangunan dan kemajuan di-dalam bandar², Kementerian Perdagangan dan Perusahaan telah juga menjalankan rancangan² mengadakan industri² di-bandar² yang sesuai bagi di-tempatkan industri² ini. Sekarang ini kita mengetahui yang banyak tempat² di-negara kita ini telah ada industry-nya sendiri dan telah mengeluarkan barang² yang dahulu-nya datang dari luar negeri. Bagi kemajuan

ini saya suka mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan.

Bagi Rancangan Pembangunan yang telah di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan semenjak Kerajaan Perikatan memegang teraju-nya di-negara ini, kita telah lihat yang Kemajuan telah berjalan dengan elok dan terpuji dan keadaan saperti ini dapat di-jalankan dengan kerjasama daripada semua lapisan orang² di-negara ini termasuk kaki-tangan² Kerajaan dan orang² ramai. Saya suka mengucapkan tahniah kepada semua lapisan orang ini yang telah bekerjasama bagi mencapai kemajuan dan saya berharap yang kerjasama bagi mencapai dan menambah kemajuan ini akan berpanjangan pada masa kahadapan.

Sa-bagai Wakil Ra'ayat bagi Kluang Utara, saya juga mengatakan di-Dewan ini perkara² yang patut mendapat perhatian Kementerian² dan mendapat perlaksanaan dengan beberapa segera yang boleh. Saperti yang di-ketahui bandar Kluang bertambah besar dari tahun ka-satahuan, sa-hingga sekarang ini orang² yang duduk di-Pekan dan keliling bandar Kluang ada-lah dua atau tiga kali ganda ramai-nya daripada sa-puluh tahun dahulu. Maka oleh itu banyak-lah perkhidmatan² Kerajaan Pusat yang patut mendapat perhatian bagi mendapat tambahan atau pun perusahaan. Saya suka meminta Kementerian Kerja Raya Pos dan Tali-kom memberi pertimbangan supaya Pejabat Pos di-Kluang mendapat bangunan yang baharu, berpatutan dengan orang di-dalam pekan ini dan dalam jajahan Kluang. Dan juga kepada Kementerian Kesihatan, saya suka meminta yang Kementerian ini menambah lagi ward² hospital kerana yang ada sekarang ini tidak-lah mencukupi-lagi bagi orang yang berkehendakkan rawatan di-hospital ini. Dan juga saya dapati yang hospital di-Kluang tidak mendapat kaki-tangan termasuk doktor² yang mencukupi. Saya dengan sebab itu suka meminta Kementerian Kesihatan menimbangkan, memberi banyak lagi kaki-tangan bagi hospital di-Kluang termasuk doktor².

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, dengan sa-berapa rengkas-nya saya turut bersama berchakap di-dalam Perbelanjaan Pembangunan, 1969.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya bukan-lah angka wang yang di-minta atau pun jumlah wang yang di-minta itu menjadi masaalah, tetapi polisi pembangunan itu sendiri yang menjadi masaalah kepada saya. Kalau-lah Kerajaan meminta lebeh banyak lagi pun wang daripada ini, saya tidak akan memandang kepada angka itu, tetapi memandang kepada programme kemajuan itu sendiri. Mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita bahagikan Anggaran Perbelanjaan Kemajuan kita pada tahun 1969 kepada urusan yang berchorak ekonomi, kemudian urusan yang berchorak kebajikan atau pun pergaulan kemasyarakatan, sosial, dan pentadbiran serta pertahanan atau pun keselamatan. Kita dapati bagi tahun ini, 59.2% bagi ekonomi, 21.3% bagi sosial, 3.6% bagi pentadbiran dan 15.9% bagi security atau pun keselamatan.

Yang kita hendak bahatkan, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah ada-kah peruntukan 59.2% bagi urusan ekonomi bagi seluroh Malaysia dan 58.8% bagi Malaysia Barat ada-kah percentage, atau pun peratus ini merupakan betul² perbelanjaan yang bersifat ekonomik sebab, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati sama ada di-dalam Mid-Term Review dalam Buku Penyata daripada masa ka-samasa di-dalam pembangunan ini juga di-dalam Anggaran Perbelanjaan bagi Development, 1969 ini saya tidak dapati bukti² yang mengatakan bahawa 58.8% peruntukan bagi ekonomi ini betul² bersifat ekonomik erti-nya bersifat productive—tidak, Tuan Yang di-Pertua. Bukti-nya kalau saya di-tanya saya akan jawab bagini—bagi saya satu² perbelanjaan yang benar² merupakan ekonomik mesti-lah dapat menghasilkan sa-suatu ia-itu mesti-lah di-belanjakan kepada pembangunan² yang productive. Bagaimana kita hendak tahu perbelanjaan ini benar² bersifat ekonomik dan benar² bersifat daya pengeluar atau pun productive dapat kita bandingkan

dengan banyak mana interest atau pun wang bunga yang negara kita mesti membayar. Mithal-nya pada tahun ini bagi debt servicing atau pun interest, bunga yang Kerajaan mesti bayar di-dalam perbelanjaan biasa, Ordinary Expenditure, ia-itu berjumlah \$256.6 juta. Ini semata² membayar bunga kepada hutang negara. Kalau-lah peruntukan kita yang kita berikan kepada urusan² yang bersifat ekonomik daripada perbelanjaan yang sa-banyak \$889.4 juta ini tidak dapat menutup interest atau pun bunga hutang negara, maka saya kira urusan² ekonomi ini tidak berjaya dan dia tidak di-namakan urusan productive, sebab bukan sahaja, Tuan Yang di-Pertua, wang yang kita belanja ini bukan sahaja tidak dapat hendak memyamai atau mengadakan perimbangan di-antara bunga yang mesti Kerajaan bayar dengan hasil yang akan di-dapati daripada ranchangan² itu bukan sahaja sa-takat itu akan kechewa-nya, tetapi dia juga tidak dapat menolong kerja² yang di-buat di-dalam programme ekonomi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya sebut urusan² ekonomik saya maksud tentu-lah pertanian, agriculture, dan land and mines, tanah dan galian, dan begitu juga rural development. Perbelanjaan yang kita minta untuk urusan² ekonomi ini tidak merupakan ekonomik. Saya mempunyai bukti, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu pada keseluruhan-nya, bila di-timbang sama ada di-dalam Penyata Kemajuan kita ini dan juga di-dalam Budget Summary sendiri, Summary of Budget, dan begitu juga di-dalam Anggaran Pembangunan, 1969, saya dapati kechenderongan Kerajaan atau pun tendency Kerajaan sekarang ini sudah hendak berlepas tangan daripada kewajipan² luar bandar, sudah hendak berlepas tangan erti-nya urusan pembukaan tanah, kemajuan² yang hendak di-lakukan di-kawasan² luar bandar, Kerajaan sedang memikirkan hendak bekerjasama dengan private sector ia-itu bahagian² persendirian. Ini berarti Kerajaan sudah chuba hendak melarikan diri daripada tanggong-jawab-nya. Maka kalau-lah kechewa dalam masaalah ini, maka Kerajaan akan menjawab bahawa

rupa²-nya kalau Kerajaan buat sendiri sudah tentu berjaya tetapi oleh kerana perkara² ini di-serahkan kepada private sector, maka sebab itu-lah tidak berjaya. Ini-lah yang akan jadi kempen pula pada tahun 1974. Jadi segala²-nya yang di-buat itu mempunyai kepentingan political end, mempunyai tujuan² politik. Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya pernah berkata pada tiap² tahun, saya bersetuju dengan Kerajaan di-dalam bahagian kemajuan supaya di-adakan kerjasama antara Public Sector dengan Private Sector. Saya bersetuju. Tetapi mesti-lah di-adakan satu panduan. Ada pun tendency, kechenderongan hendak menyerahkan kepada private sector semata², ini artinya Kerajaan hendak melepaskan diri pada satu segi dan satu segi lagi hampir tepat-lah tuduhan saya bahawa Kerajaan sekarang ini merupakan sa-buah Kerajaan yang di-dasarkan di-atas tolak ansor tokoh² politik yang memerintah dengan kapitalis² yang ada di-dalam private sector, maka di-adakan-lah kerjasama antara Kerajaan yang menjalankan negara ini dengan puak² kapitalis dalam private sector. Kita tidak tahu apa-kah yang dapat di-hasilkan di-antara dua itu. Tuan Yang di-Pertua, biasa-nya, saya tidak tujukan di-Malaysia. Biasa-nya apabila pembangunan sa-buah negara di-ajak kerjasama di-antara dua pihak dengan Kerajaan dan private sector biasa-nya sejarah membuktikan bahawa Kerajaan itu akan di-beli oleh kapitalis² daripada private sector.

Saya bimbang, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini berlaku di-Malaysia kita. Jadi apabila kita kata begitu saya tidak akan berchakap dengan detail, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya akan habis sa-belum daripada masa kita ini.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, biasa-nya kemajuan ini kita lakukan dengan chara berhutang dan hutang ini tentu-lah kita belanjakan kepada perkara² yang productive yang dapat menghasilkan, jikalau tidak, tentu-lah kita belanjakan kepada sosial semata² jika kita tidak harap satu² untong di-situ dan itu tidak di-namakan ekonomik. Yang pelek-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita berchadang hendak berhutang \$1,900 juta tiba² kita dapat

\$500 juta sahaja. Jadi bagi pegawai Kerajaan sendiri pun dia memikir bagaimana hasrat negara kita dengan satu pembangunan yang modal-nya tidak kurang daripada kira² \$2,000 juta tiba² yang dapat kita berhutang ia-lah \$500 juta sahaja ia-itu suku. Bagaimana kita hendak adjust atau pun kita hendak menyesuaikan hasrat yang asal dengan apa yang berlaku, pula² yang \$500 juta ini bukan wang yang kita dapat, bukan wang. Jikalau kita dapat wang boleh jadi kita berhak membeli sendiri atau pun pergi ka-mana berurus urusan, tetapi mengikut apa yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri ia-itu wang yang \$500 juta ini pun ia-lah terikat dengan negeri² yang kita pinjam wang itu ia-itu kita terpaksa membeli barang² daripada negeri itu sendiri. Jadi arti-nya ini ia-lah harga import kita, harga yang kita bawa masuk barang yang kita terutang, kepada negara yang kita berhutang itu. Bukan kita dapat wang dan kita membeli dengan bebas. Ini bukan di-namakan kemajuan, Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya ini, di-namakan berhutang, pergi berhutang dan wang tak dapat, dia bagi benda yang kita mahu.

Sebab itu apabila kelam kabut dalam perkara ini Kerajaan buka satu falsafah baharu ia-itu kalau negara ini hendak maju hendak-lah pehak ber-sendirian, private sector, bekerja sendiri ma'ana private sector itu ia-lah bukan Kerajaan, sudah tentu orang yang hendak bekerja membuat kemajuan ini bukan orang di-kawasan luar bandar, mesti-lah puak² yang mengurus atau puak² entrepreneur di-dalam private sector itu dan puak² ini langsung tidak ada di-dalam kawasan luar bandar. Jadi erti-nya nasib luar bandar, kemajuan kita pada tahun 1969 ini akan di-serahkan kepada entrepreneur dan kepada kapitalis² di-dalam private sector dalam bahagian itu. Maka Kerajaan berpura² walau pun Kerajaan menyerahkan perkara ini kepada private sector, tetapi Kerajaan akan memberi beberapa bantuan seperti pengetahuan teknik, technical know-how dan kami akan bagi expert dan kami akan bagi beberapa rancangan untuk membanyakkan rancangan ke-

majuan ia-itu infrastructure hendak diberikan kepada ra'ayat. Kalau ini Kerajaan sendiri pun belum sanggup hendak menjalankan, bagaimaan-kah Kerajaan hendak berlepas tangan hendak menyerahkan kepada ra'ayat dengan di-kelolakan oleh private sector yang Kerajaan hanya hendak memberi bantuan yang sa-macham itu. Ini saya menudoh bahawa Kerajaan sudah melarikan diri pada pilehanraya ini dan dia akan membetulkan diri-nya mengambil balek pada tahun 1974 yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memandang percentage atau pun peratus yang di-untokkan kepada ekonomi ini ia-itu 58.8% bagi Malaysia Barat, 59.2% ka-semua Malaysia tentu-lah ra'ayat di-negeri ini akan memberi tabek (salute) memberi hormat, memberi tahniah kepada Kerajaan kerana Kerajaan mengadakan peruntukan yang banyak, tetapi kalau kita kembali balek kepada satu persatu yang tidak mustahak saya sebutkan, maka saya minta Kerajaan membuktikan tuduhan saya bahawa percentage 58.8% untuk Malaysia ini dengan programme yang ada, tidak-lah berlaku pada amalan-nya, berlaku pada per-untukan yang di-beri ini sahaja.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, kita perhati pula kepada sosial ia-itu 21.8% bagi Malaysia Barat, 21.3% bagi ke-semua sekali Malaysia dan perkara yang kita mahu di-dalam sosial ini ia-lah berkenaan dengan education dan berkenaan dengan kesihatan (Health), bagitu juga berkenaan dengan perburohan dan kebajikan ia-itu Welfare. Maka keempat² perkara ini—education, health, labour dan welfare,—empat² ini, Tuan Yang di-Pertua, walau pun kita tidak mengharapkan sa-suatu kerana ini sa-mata² service kepada ra'ayat jelata tetapi khusus-nya berkenaan dengan labour dan education mesti-lah kita membuat rancangan² menuju kepada kerja² yang productive. Kalau hanya negeri kita ini pada tiap² tahun membelanjakan peruntukan² bagi lapangan sosial dengan ma'ana yang di-maksudkan oleh pembangunan ini sa-mata² betul² sosial sa-mata² dengan tidak mengharapkan sa-suatu, saya rasa kita

hendak feed negara kita, hendak beri makan negara kita dengan chamcha atau pun sudu perak dan sudu emas. Itu bukan-lah satu urusan pembangunan. Dalam education kita sa-makin kurang usaha mengadakan sekolah² perusahaan tangan atau pun pengetahuan yang dapat mencari penghidupan ia-itu vocational education. Kita tidak memberi sa-penoh apa-bila kita kurang di-dalam vocational education sudah tentu-lah Kementerian Labour atau pun Kementerian Buroh tidak dapat hendak menghalakan tenaga² pelajar² yang keluar daripada sekolah untuk mencari pekerjaan sedang di-dalam Public Sector sudah tentu-lah tidak masuk otak, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak memberi kerja kepada kesemua pelajar² kita yang beratus² ribu pada tiap² tahun sedang buroh² yang duduk ada yang tidak kurang daripada 350,000 orang itu pun sedang menghadapi urusan kurang pekerjaan ia-itu mereka yang tidak mempunyai kerja yang menganggor sa-makin bertambah, lapangan kerja baharu tidak di-timbulkan, kebolehan untuk berkerja tidak ada di-dalam vocational education, buroh yang pun sedang menghadapi nasib kurang upah dan kurang peluang untuk bekerja—under—employment—mereka ini akan menemui nasib.

Kalau perkara² ini tidak di-fikir, saya rasa kemajuan di-dalam education yang kita minta di-bawah tajok sosial ini tidak akan berfaedah. Tidak-lah guna, Tuan Yang di-Pertua, kita mengadakan bangunan yang elok bagi sekolah² bangunan di-hendaki untuk menjadi tempat tetapi bukan bangunan itu menjadi ukoran, bukan menjadi hasil yang kita kehendaki dan ini Kerajaan tidak dapat menunjukkan di-dalam pembahagian yang bertulis di-sini.

Kemudian daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan labour, berkenaan dengan buroh di-dalam negeri ini. Saya dapati ada satu perkara yang boleh membawa kepada keruntuhan moral masyarakat ini, ke-untuhan akhlak bagi masyarakat di-Malaysia ini. Kita dapati buroh terator atau pun organised workers yang masuk di-dalam Trade Union atau pun masuk dalam badan² yang sa-umpama itu kita dapati kurang lebih hampir² juga di-

dalam 200,000 orang tetapi di-samping itu kita mempunyai pejudi² yang terator organised gamblers yang lebih daripada organised workers di-dalam negara kita ini. Tuan Yang di-Pertua, saya buktikan bagini. Ada di-dalam jawapan bertulis kepada saya ia-itu kita katakan-lah buroh yang ada di-Malaysia kita ini kesemua sekali sama ada orang ini termasuk dalam organised workers atau pun tidak kita mempunyai strength 350,000 orang yang banyak-nya di-dalam Kementerian Pengangkutan. Kemudian daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada teket loteri sama ada teket loteri kebajikan atau pun teket loteri yang lain yang bukan kebajikan atau pun termasuk teket loteri lawan bola, kita dapati ber-million teket. Saya tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, satu orang membeli berapa banyak teket, tetapi kalau kita kira strength, strength bagi organised workers 350,000 orang strength bagi organised gamblers dekat satu million. Jadi perbandingan yang ada ia-lah pekerja² dalam negara Malaysia yang terator 350,000 orang dan pejudi² yang terator ia-lah lebih satu million. Negeri judi, negeri runtoh akhlak, negeri yang Kerajaan-nya akan jatuh pada tahun 1969 kalau mereka itu tidak dapat memperbaikinya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak mengingatkan kepada Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat telah berjanji ia-itu pukul satu habis. Jadi saya mengambil satu kesimpulan ia-itu Yang Berhormat sudah habis berchakap.

Persidangan ini di-tempohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Persidangan di-tangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambung sa-mula pada pukul 4.00 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Meshuarat*)

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1969

Perbahathan di-sambung sa-mula:

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Yang di-Pertua,

pada petang ini saya mengambil peluang membahaskan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1969 yang di-bentangkan dalam Dewan ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang berjumlah \$889 juta. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyentuh beberapa aspek kemajuan yang tercapai sejak ranchangan itu dijalankan dan juga kaji sa-mula dalam ranchangan Malaysia yang Pertama ini pun telah di-lakukan. Sa-kali pun kita telah melalui satu keadaan yang tidak menyenangkan bila mana turun-nya harga getah pada tahun 1967 dan kekurangan pinjaman yang kita perlu dapat daripada negara² sahabat juga dengan keadaan pengundoran Tentera British dan Tentera Commonwealth daripada negara kita ini, ini-lah semua perkara yang menyebabkan penyelenggaraan yang dapat kita lakukan, bagi melaksanakan ranchangan pembangunan bagi negara kita ini.

Tetapi walau macham mana pun, Tuan Yang di-Pertua, pembangunan negara kita perlu di-teruskan sa-kali pun kita menghadapi keadaan yang menchemaskan kerana kita berazam hendak mengubah keadaan taraf hidup ra'ayat di-negara kita sa-imbang sabagai sa-buah negara yang moden, yang maseh memerlukan banyak sekolah daripada berek² tentera, yang maseh memerlukan kilang² perusahaan daripada kilang² peluru, yang maseh memerlukan usaha untuk meninggikan kehidupan ra'ayat supaya ada persaimbangan ekonomi antara ra'ayat yang berada dengan yang tidak berada dan kita maseh berusaha mendekatkan jurang perbezaan antara dua kumpulan ra'ayat yang saya katakan tadi. Tetapi walau macham mana pun di-samping kita menjaga keutuhan negara kita sejak yang akhir ini kita telah mengalami konfrantasi demi konfrantasi, tetapi apa yang telah di-tunjokkan oleh ra'ayat dalam menghadapi chabaran zaman ada-lah sangat melegakan. Perpaduan kita makin bertambah erat, kita mula sedar yang kita harus berdiri sendiri dalam semua bidang terutama dalam bidang mempertahankan diri kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sangat menyedehkan, ia-lah Perdana Menteri kita pernah di-hina bila kita menyesali sikap British meninggalkan tanggungjawab-nya di-rantau ini sedangkan rantau ini maseh dalam keadaan yang membimbangkan. Perdana Menteri kita telah di-tudoh mempunyai fikiran lama, bersikap lama, tidak mengikut keadaan dan putaran zaman. Tuan Yang di-Pertua, sikap Australia juga kita maseh meragukan sa-kali pun kita menuntut bahawa Australia dan New Zealand menyatakan sikap-nya dengan tegas-nya sama ada menyokong atau tidak negara kita dalam soal Sabah. Australia dan New Zealand tidak harus melepaskan tangan dalam soal pertahanan di-rantau ini kerana kepentingan Malaysia merupakan kepentingan Australia dan New Zealand sendiri.

Sa-lain daripada itu Amerika juga beberapa kali telah melukakan hati kita. Pada masa harga getah kita jatoh, Amerika telah menjualkan getah simpanan-nya di-pasar dunia dengan harga yang lebeh murah daripada apa yang kita jualkan. Dengan demikian menyebabkan kita terlibat dalam ekonomi negara kita dan juga melibatkan penghidupan ra'ayat dengan sebab turun-nya harga getah. Yang kedua pada masa kita memohon pinjaman daripada Amerika, Amerika telah berkehendakkan bunga yang mahal sabagai chagaran pinjaman kita. Sedangkan negara lain memberi pinjaman dengan bunga yang agak rendah, akan tetapi Amerika bertegak pada hakikat-nya hendakkan faedah yang lebeh tinggi daripada negara kita yang sedang membangun. Yang ketiga-nya, Tuan Yang di-Pertua, kita di-sayat hati lagi bila mana dengan pengundoran British daripada negara kita dan undor-nya tentera Commonwealth, kita berhajat hendak membeli kapalterbang daripada Peranchis. Amerika telah menasehkan negara sahabat-nya supaya jangan menjualkan kapalterbang ini kepada Malaysia kerana ini kelak merupakan satu perlumbaan senjata di-rantau ini. Tetapi Amerika sendiri telah menjualkan 20 buah kapalterbang pada masa yang akhir ini kepada Philipina.

Tuan Yang di-Pertua, tiga kali pada hemat saya Amerika telah melukakan hati Malaysia, tetapi kita tidak berchakap apa, kita tidak menyatakan kesal kita terhadap sahabat kita yang kita akui boleh menolong dalam masa kita kechemasan. Pada hemat saya apakah bantuan Amerika yang kita dapati sa-lain daripada bantuan Pasokan Keamanan menerima barang² makanan dan juga Pasokan Penasehat. Saya bersama dengan sahabat² saya yang lain mengalu²kan penarekan penasehat Amerika ini di-negara kita kalau kita fikirkan ini memalukan kita atau kalau di-fikir Amerika patut berbuat demikian. Kita kenal, Tuan Yang di-Pertua, sahabat kita bersikap, "Mulut kita di-suap pisang tetapi buntut kita di-kait onak." Bila masa kita ketawa maseh ramai sahabat kita ketawa sama, tetapi dalam masa kita menangis sudah banyak yang mengasingkan diri daripada kita. Itu pun keadaan kita dan negara kita dan keutuhan kita maseh kuat sedang apa yang kita lakukan hari ini bagi membuat pertahanan yang kuat di-Malaysia ini ia-lah kerana menahan perkembangan kominis. Pertahanan yang kita lakukan di-Malaysia ini ia-lah sa-bagai pintu pertahanan yang lebih awal bagi keselamatan negara² sahabat yang lain di-rantau ini. Tetapi Inggeris tidak melepaskan Brunei menjadi sa-buah negara yang merdeka dan memusatkan pemerentahan colonial-nya di-Brunei. Dan sekarang ini kita belum tahu apa-kah hakikat-nya bila mereka mengundorkan diri-nya daripada Malaysia akan kedudukan Brunei ini pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ada baik-nya Kerajaan kita mengkaji masalaah ini. Kita harus mendapatkan wang yang lebih lagi membiayai ranchangan kita. Saya shorkan bagi pandangan Kerajaan, negara² Arab juga harus kita berunding dan kita tinjau kedudukan-nya. Negeri Arab Saudi atau Saudi Arabia, negeri Kuwait atau Iran ia-lah negara yang kaya dengan minyak yang banyak ringgit-nya. Kita harus membuat perhubungan bagi mendapatkan pinjaman untuk melancarkan ranchangan pembangunan negara kita. Kalau sa-kira-nya kita tidak dapat

pinjaman daripada negeri lain, tetapi negara ini sa-panjang yang sudah² ini kita belum berchakap dan berunding, kita tahu bahawa negeri Arab, negeri Saudi Arabia, negeri Kuwait atau Iran ia-lah negara yang kaya dalam dunia ini dalam segi pengeluaran minyak. Banyak dollars yang tersimpan dan sa-bagai satu bangsa dalam Asia ini saya fikir kita lebih banyak mendapat pertimbangan atau pertukaran fikiran kita dengan lebih terbuka kapada-nya.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita harus juga mendatangkan sumber hasil yang lain daripada negara kita, usaha pesat mendapatkan sumber baharu hasil negara wajib di-usahakan, pembukaan tanah daripada modal luar atau dalam negeri ini harus kita utamakan. Pembukaan kilang², perusahaan juga harus di-galakkan daripada pemodal² sama ada dari dalam negeri mahu pun dari luar negeri. Sa-panjang ini chuma kita membuka tanah yang di-anjorkan oleh Kerajaan sa-mata² Kerajaan menganjor pembukaan tanah FLDA, Kerajaan² Negeri menganjor pembukaan tanah ranchangan negeri tetapi Kerajaan belum membuka suara bagi mempelawa sharikat² besar, pemodal² luar, supaya membuka perusahaan ternakan dan tanaman yang boleh memewah dan mema'amorkan negara kita daripada pada masa yang sudah².

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu masalaah pembukaan tanah ra'ayat yang bersendirian maseh tidak di-jalankan dengan pesat-nya. Kita berasa malu negeri kita maseh kaya dengan tanah tetapi ra'ayat-nya maseh kekurangan tanah, maseh ada ra'ayat-nya yang laparkan tanah walau pun usaha² Kerajaan telah berlangsung sa-lama ini bagi membuka FLDA bagi membuka ranchangan tanah dan sa-bagai-nya yang di-usahakan oleh Kerajaan, tetapi apa-lah salah-nya pembukaan tanah itu di-izinkan kapada ra'ayat sa-chara bersendirian—ra'ayat persaoangan? Saya rasa negeri ini ada banyak tanah yang boleh di-buka dan usaha memberi sa-penoh-nya kapada ra'ayat yang memilik tanah ini haruslah kita utamakan dalam masa kita

berkehendakkan tegak dengan kaki sendiri dalam usaha mendapatkan atau membanyakkan barang makanan.

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak sentoh dalam masaalah Budget Pembangunan ini ia-lah masaalah perkembangan perkhidmatan keretapi. Dalam masa pembangunan ini kalau kita kaji dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama atau ranchangan Malaysia kita belum dapati bahawa perkhidmatan keretapi ada ranchangan untuk hendak memanjangkan perkhidmatan keretapi. Apa yang di-usahakan oleh Jabatan Keretapi pada masa sekarang ini hanya sa-mata² kita mengusahakan yang telah di-tinggalkan oleh penjajah British dalam Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu. Dalam buku Kajian Sa-mula Ranchangan Malaysia Yang Pertama 1969-1970, Tuan Yang di-Pertua, telah ada menyebutkan pengangkutan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara bukan sahaja dengan meningkatkan perkembangan ekonomi tetapi juga dengan menggalakkan perhubungan politik dan social. Pengangkutan yang berkesan meninggikan perkembangan ekonomi terutama sa-kali chara memperbaiki bentok pengeluaran bahagian yang ada sekarang, bagi menerbitkan kegiatan ekonomi yang baharu dan juga meluaskan pasaran untuk perkhidmatan bagi tujuan ekonomi. Pengangkutan yang terator juga memberi kemudahan kepada pentadbiran 'awam dan keselamatan dalam negeri. Oleh kerana peranan yang penting ini maka baha-gian pengangkutan sendiri di-beri per-utokan yang besar dalam belanjawan pembangunan dalam ranchangan pem-bangunan negara. Tuan Yang di-Pertua, bila saya kaitkan masa'alah pengangkutan keretapi ini saya rasa kita harus lebeh maju dalam soal pengangkutan keretapi. Sa-bagaimana saya kata pada awal tadi pengangkutan keretapi di-Tanah Melayu ini, Tuan Yang di-Pertua, chuma lanjutan dari-pada usaha atau bekas yang telah di-tinggalkan oleh penjajah pada masa yang dahulu. Mula'i daripada tahun 1887 perkhidmatan keretapi di-mulakan

daripada Taiping ka-Port Weld hingga menjelang tahun kita merdeka hingga sampai sekarang ini penyelenggaraan pengangkutan keretapi ini tidak di-ubah. Kita mahu perkhidmatan keretapi daripada Pantai Timor ka-Pantai Barat, kita mahu kemudahan yang ada supaya perkhidmatan keretapi ini meng-ambil peranan yang penting dalam pembangunan dan kemudahan negara atau dalam peranan siasah atau politik. Jadi, saya menyerahkan kepada Kera-jaan supaya perkhidmatan keretapi di-buka sa-bagai perkhidmatan com-mercial. Dan kita menjadikan supaya perkhidmatan keretapi ini sa-bagai-mana perkhidmatan penerbangan ne-gara kita yang di-modali daripada berbagai sumber yang kita harap per-khidmatan keretapi ini akan menjadi alat perkhidmatan kenderaan yang sangat penting dalam bidang pemba-ngunan dan perkhidmatan, sa-bagai perkhidmatan penting utama dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa-'alah yang lain saya suka hendak sebut-kan dalam ucapan saya yang pendek pada petang ini ia-lah masa'alah Istana Negara. Dalam masa kita memusatkan debat kepada masa'alah pertahanan dan lain² dan juga perkembangan pem-bangunan. Saya mengaleh pandangan Dewan ini kepada bangunan Istana Negara. Saya rasa satu bangunan baharu bagi Istana Negara perlu di-dirikan menggantikan Istana Negara yang ada ini untuk memusatkan rasa kasih sayang, ta'at setia kepada ketua negara. Bangunan sa-buah Istana Negara untuk ketua negara perlu di-timbangkan supaya Istana itu di-diri-kan di-satu tempat yang lebeh hebat, megah dan bangga kedudukan-nya. Bagi sa-orang ra'ayat hendak melihat wajah ketua negara bukan-lah perkara yang senang—memerlukan masa dan waktu yang tetap dan waktu yang ber-betulan, bahkan melihat Istana Negara yang ada ini pun merupakan perkara yang sama susah-nya. Ia-nya mesti melantasi satu jalan yang berlengkuk, ber-liku, berselekoh dan mesti melalui jalan yang di-dindingi pula oleh padang dan pohon yang tumbuh yang melintangkan pandangan daripada jalan besar. Kalau

melalui jalan Klang kita akan dapat menyaksikan punchak bangunan itu sahaja daripada jalan raya. Pada masa yang akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat maseh chinta hendak melihat, kerana ketua negara ini ada-lah lambang negara kita ini. Kapada siapa yang pernah melawat London, Tuan Yang di-Pertua, atau pernah melawat Tokyo, Istana kedua² di-Raja ini menjadi lambang Perlembagaan. Pada musim² hari jadi atau hari besar negara, ra'ayat berhimpun sa-kurang² melihat wajah atau melihat Istana Raja yang di-kasehi. Kita tidak boleh berbuat di-sini, Tuan Yang di-Pertua. Dengan keadaan Istana yang ada pada hari ini pun dengan di-lindungi oleh padang yang ada di-hadapan-nya kadang² pokok pisang pun tumbuh di-dalam-nya ini boleh menga'ibkan dan memalukan negara kita yang muda dan moden ini. Saya akan dapat bahathan daripada sahabat saya nanti—ini merupakan bangunan yang mahal harga-nya tetapi Angkasapuri yang menelan belanja berpuluh² juta ringgit dengan megah-nya di-simpang jalan Petaling Jaya, kita bersanggupan, tetapi mendirikan sa-buah Istana Negara tempat tinggal rasmi ketua negara kita telah 10 tahun masok 12 tahun, Tuan Yang di-Pertua, maseh dalam bayangan dan tidak tahu berita pada akhir-nya.

Jadi, saya harap perkara yang saya shorkan ini bagi pandangan Kerajaan akan mendapat pandangan yang sawajar-nya dan pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh banyak kapada pehak Kerajaan yang telah pun bersetuju hendak mengubah pakaian sa-ragam mata² perangkat rendah mulai daripada pertengahan tahun ini. Kita akan dapati Polis di-Raja Daerah Kuala Lumpur ini akan memakai pakaian yang baharu dan usaha itu akan dapat di-langsungkan, atau di-habiskan dalam tempoh tiga tahun yang akan datang. Walau pun begitu, saya menguchapkan terima kaseh kerana mengambil pandangan, tegoran pada masa yang sudâh², tetapi walau macham mana pun, Tuan Yang di-Pertua, soal gaji polis ini dan juga soal kedudukan polis ini, rumah² barek-nya, atau

rumah² tempat kediaman-nya juga harus di-kaji sama.

Sa-bagaimana kita ma'alum, Tuan Yang di-Pertua, polis tidak ada mempunyai kesatuan yang kuat yang terbuka bagi membela nasib-nya, hanya di-harap kapada timbangan Kerajaan dan timbangan atau sokongan daripada Pegawai² Tinggi Polis ini. Jadi, saya harap dan saya dengar bahawa gaji polis ini juga akan di-naikkan dalam masa yang tidak lama lagi, tetapi apa yang di-mushkilkan oleh polis dengan harapan mendapat gaji yang baharu, tetapi peruntukan api dan ayer tempat kediaman juga terkena bayar. Jadi, ini bila di-tolak balek pendapatan gaji baharu yang di-chadangkan lebih kurang dengan gaji yang lama itu.

Jadi, ini-lah saya merayu kapada Kerajaan supaya menimbangkan dalam masaalah kedudukan gaji dan kedudukan polis ini dan kebajikan-nya, dan pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh kerana di-beri peluang beruchap.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka hendak memberitahu Ahli² Yang Berhormat yang dapat berchakap pada petang ini, tolong-lah berchakap pendek² dan kapada point²-nya, sebab banyak Ahli² yang hendak berchakap.

Tuan Musa bin Hitam (Segamat Utara): *(dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I rise to support and congratulate the Honourable Minister of National and Rural Development for his presentation of the Mid-Term Review of the First Malaysia Plan as well as the estimates of expenditure for his Ministry. By presenting this Mid-Term Review, we are given an opportunity to look into the achievements as well as the shortcomings of our development projects in the wider interests of Malaysia.

From the Review, Mr Speaker, Sir, before us, we could judge that Malaysia is one of the very few developing countries in this part of the world which has achieved the greatest amount of economic development within the period of the last decade. This is mainly due to the responsible leadership of the Alliance Government and our pragmatic approach towards development.

Because of our preoccupation with the internal economic development of our country, we have, unfortunately, neglected the field of international relations in the wider context of mutual co-operation and understanding. I am happy to note that this position is no longer true today as the stresses and strains of our relations with other nations are being felt within resulting in our wish to reappraise our position *vis-a-vis* by differentiating our friends from our foes.

Mr Speaker, Sir, Malaysia is one of the few countries in the world which has faced a serious attempt at domination by militant Communism and defeating it not so much by military as by an economic offensive. There is one important lesson to be learned from our experience, in that the basic ingredient to the success of democracy is a full stomach and that no anti-democratic force, be it Communism or Facism, could succeed in the overthrow of democracy if this principle is always borne in mind. It is in this respect that I would like to take this opportunity here to address our friends and to seek their co-operation and understanding.

I must admit at the outset, Mr Speaker, Sir, that the success of our performance since independence has been the result of this co-operation and understanding given by our friends. But, now, we in Malaysia see a future full of great trials and tribulations as our once faithful friends are deserting us. Not only are they deserting us but they are also in the process of antagonising us with all sorts of judgements with an attitude of trying to tell us what to do as well as trying to interfere in our affairs without really appreciating the difficulties that we are faced with now. I need not, again, draw your attention, Mr Speaker, Sir, to the "old-fashioned" branding that our Prime Minister received recently, as it has very well been explained this morning of the good intentions and the absence of malice on the part of the British Prime Minister. But, now, Sir, there is this feeling of antagonism being worked up by certain uninformed sections within Australia, as demon-

strated by the "clumsy propagandists" branding by the Australian Press on us, as reported this morning. Sir, I certainly do not wish to pick a quarrel with the Australian Press, and I have always regarded the Australians as one of our most understanding and sympathetic friends. Australia has had a clean record of being a non-colonial power, striving very hard, and I believe sincerely, to be recognised and associated with the aspirations of the peoples of this part of the world.

There are two points that have been brought to our attention in this question of economic development within our country as related to our expenditure in defence. Defence and development are indivisible, as demonstrated by the remarks made by our Deputy Prime Minister in his presentation of the Mid-Term Review. On the one hand, we are being told not to spend money on defence by purchasing expensive supersonic planes and sophisticated weapons because this, we are told, would affect our economic growth. On the other hand, we are being told that we would have to look after ourselves and our once faithful friends are leaving us, thus exposing us to our potential enemies.

Mr Speaker, Sir, I agree with the first point, because if we looked into our past records, we could see very clearly that Malaysia was and would be the last nation in this part of the world to divert our resources from economic development to military expenditure. One has only to look around the other countries in this region to see how microscopic we are in terms of military power in our Army, Navy and Air Force. The Philippines, for example, as our potential aggressor, has been armed by the United States of America with supersonic and subsonic planes all these years at the expense of the Philippines' own economic development. I believe that it is because of the economic chaos and mess in that country that President Marcos is trying to distract the attention of his people by his "Grab Sabah" policy; and the Americans, in their usual policy of interference and bungling, have told us through their allies that we, on our

part, should not waste our money on military expenditure and instead concentrate on economic development. Mind you, Mr Speaker, Sir, the American Government did not see it fit to deal with us, a tiny country in South-East Asia, and advise us direct, if her attitude is indeed an advice, but has conveyed the message through Britain and France for some inexplicable reason. I suggest that it would do us all a world of good in this region if the American Government, with all her vested interests in the Philippines and her economic "big stick" could advise the Philippines to concentrate on putting her own house in order rather than indulge in foreign adventurism.

Our Australian friends, Mr Speaker, Sir, as indeed I still consider them our friends, in their own difficulties of trying to be friendly to all and enemy to none, seem to me to be trying to have a re-interpretation of her obligations to us as expressed in the Anglo-Malaysia Mutual Defence Treaty to which Australia is undoubtedly committed. In this question, I submit that there are two aspects to be considered. One is the political aspect and the other is the military aspect. I can very well understand the wish of the Australian Government to detach itself from any political dispute that we are in with the Philippines and thus take what they term to be a "neutral stand". However, Mr Speaker, Sir, the question we would like to ask them is on the military aspect of their obligations which, put in simple terms, mean if we were attacked by the Philippines, would Australia come to our aid?

It is heartening, Mr Speaker, Sir, to note from reports given by our Prime Minister that the British Government have categorically stated that they would come to our aid. Would the Australians come to our aid, if we were attacked? Of course, it would be up to Australia herself to determine whether we are indeed attacked or, in the most unlikely event, we ourselves are the aggressors? In this unlikely event that we are, of course, the Australians might have to come to the aid of the Philippines under her own treaty obligations with them. This is the crucial question.

This is the categorical answer that we would like to get from Australia. There is nothing clumsy or old-fashioned or confusing on our part.

In their arguments against Australian commitments, our dispute with the Philippines have been regarded as "semi-domestic". I suggest Mr Speaker, Sir, that I do not understand this attitude. How could an attempt by one country to grab a part of another country be termed as semi-domestic? Would Australia regard an attempt to grab Papua—New Guinea by, perhaps, her neighbour as "semi-domestic"? Would an attempt to grab Tasmania, for example, by another power—although I do not see any possibility in this respect—be regarded, again, as "semi-domestic"? These, Sir, are the questions that we need explanations from our friends, the Australians.

As I have said earlier, Mr Speaker, Sir, defence and economic development are indivisible. We, on our part, would like to do away with the problem of spending millions of dollars on buying modern military hardware. We would rather build schools, create industries and open up lands. We need the money for our own economic development or, to put it crudely, to fill the stomachs of our people. But, if we have to divert our resources to military expenditure, we simply have to spend the minimum amount on it.

Mr Speaker, Sir, we face tremendous odds in the immediate future. All the countries within this region are faced with practically the same problem. But we believe that we, in Malaysia, have been able to strike a balance, and we intend to do just that in order to create a just and prosperous society, not only for our own selfish interest but also for the mutual interest of all the countries within this region, including Australia and New Zealand. We cannot afford to have any misunderstandings in this. If we went our separate ways—Australia on the one hand, preoccupied with her own interests, her own economic development and prosperity, as indeed she has achieved tremendous success in this field—and the other countries of South-East Asia go our separate ways,

trying to make ends meet, to look after our own security as well as our own economic development, we may soon find a situation where Australia could be the oasis amidst a barren desert full of millions of hungry brown-skinned human beings desperately in need of food and water. In such a desperate situation, Mr Speaker, Sir, nothing could stop them from swarming this oasis, however strongly the oasis is fortified.

Mr Speaker, Sir, I am fully aware of the fact that the Australian Prime Minister is going to make a statement in Parliament, in a few weeks' time, on her own defence policy. I do hope that these points that I have mentioned above are taken into consideration, as in a humble way I do not wish to create the impression that I am "telling them" or "dictating to them" what to do. What we merely wish for is to stress the mutual interest and common destiny that we share in this part of the world. Thank you.

Tuan Khoo Peng Loong (Sarawak): Mr Speaker, Sir, regarding the Development Estimates, 1969, I observe that a sum of \$78,632,030 is earmarked to be spent in Sarawak, and on these Estimates, I would like to comment briefly in regard to a few important Heads.

Under Head 121, Ministry of Commerce and Industry, a sum of \$9,200,000 is allocated for rubber planting. This Ministry attaches great importance to the rubber industry and with the recent increase in the rubber price, the Minister may be justified to spend this sum to promote and improve the rubber industry. But I have to warn him that, when all the rubber trees are matured for tapping in Sarawak, it will be hard to find labourers and, unless he can overcome the immigration problem with the State Government to bring labourers from West Malaysia, this industry will not be able to give out a 100% production.

I see, Sir, that after deducting \$6,614,000 from the allocation of \$7,901,928 on Head 123, under the Ministry of Health, a balance of

\$1,287,928 will be spent on the various health and medical services, and I am glad that the Honourable Minister has considered my suggestion of last year which only had a balance of \$212,388. This is an improvement indeed.

On Head 138, Sir—Roads and Bridges—under the Ministry of Works, Posts and Telecommunications, the sum of \$11,500,000 is put down for various works. I would urge the Honourable Minister that, when he spends this money, he should take into account the roads in the urban areas as well. The towns in Sarawak are expanding very fast. Take the case of Sibu urban area, which had a population of 29,000 in 1961, and which now has a population of about 50,000. With the increase of motor vehicles coming in at the rate of 50 cars per month in the last five years, the roads are found to be too narrow. Something must be done to widen these roads, so that traffic accidents can be minimised.

Also, Sir, under this Ministry on Head 144, I hope that, since we are going to spend such a big sum of money, the telephone service in Sarawak would be improved. At present Sir, a call from Sibu to Kuching will take at least half-an-hour, and the Automatic Exchange always gives out wrong numbers. Since this sum of \$6,500,000 will be spent under this Head, everyone would expect to see that the service is improved.

Mr Speaker, Sir, from the *Sunday Times* of 2nd February, 1969, I read that land would be made available to people who want land in East and West Malaysia. I welcome this announcement by the Honourable Deputy Prime Minister in the Press. But, can he overcome the conservatism of the natives in Sarawak who are reluctant to give up their customary rights to the land? I think with more prompting and assurance by him that, in fact, a liberal land policy would work out to their advantage and in their interests in the long run and that they should not oppose any change, would help in this matter. But, Sir, since land is a State subject, the Honourable Deputy Prime Minister

has first to consult the State Government and point out that it is the duty of the State Government to do these things. The Sarawak Alliance Government not only has done nothing but has actively campaigned against the many suggestions of land reforms. It is obvious, Sir, to all except the Sarawak Alliance Government, that such an attitude means only stagnation and ruination, as it would hamper development, and the funds poured into the State will be going down the drain and the bottomless pit.

Finally, Sir, I would urge the Honourable the Minister of Finance to see that the Federal Treasury would release funds for development projects in Sarawak, once Parliament has approved the provisions. Many times, Sir, the funds would arrive late in the year, and before the project can be completed, the year has run out and the whole thing will have to be delayed till next year.

Tuan Haji Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut sama menyokong Peruntukan Pembangunan yang di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kelmarin dan dengan peruntukan itu ada-lah merupakan satu usaha yang bersungguh² oleh Kerajaan terhadap menjayakan pada keseluruhan terhadap kepentingan ra'ayat di-negara kita ini.

Sa-masa membentangkan Peruntukan Pembangunan ini kelmarin, kita semua telah di-beritahu serta di-terangkan segala aspek Pembangunan Negara dari segala segi dan ini boleh-lah kita katakan bahawa untuk menjayakan usaha² pembangunan ini ra'ayat negara kita akan menghadapi berbagai² chabaran di-masa hadapan yang mana meliputi baik dari segi luar dan dalam negeri. Sungguh pun dalam kajian Rancangan Pembangunan Malaysia yang Pertama, kita dapati Kerajaan telah menchapai beberapa banyak kejayaan yang boleh di-katakan lebih dari yang di-jangkakan, walau pun kita sa-masa itu menghadapi berbagai² anchaman, sama ada dari luar atau pun dari dalam, tetapi dengan kecekapan pemerentahan kita dan dengan ada-nya semangat perpaduan di-antara kita semua, maka

semua anchaman² itu telah dapat kita atasi dan Rancangan Pembangunan dapat berjalan terus menerus.

Soal-nya sekarang, Tuan Yang di-Pertua, untuk Pembangunan Negara kita pada masa hadapan boleh-kah kita terlanggar atas chabaran² masa hadapan yang pada pendapat saya chabaran yang kita hadapi di-masa hadapan ada lebih besar dari chabaran yang kita telah alami sa-lama menjalankan Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama dahulu. Kita tidak-lah takut menghadapi chabaran, meminta keperchayaan ra'ayat, melalui Pilehan-raya Kebangsaan tahun ini kerana saya penoh perchaya, ra'ayat tetap sa-kali akan memilih Kerajaan Perikatan kerana ra'ayat tentu hendak melihat kejayaan² Rancangan² Pembangunan yang hendak kita teruskan supaya meliputi keseluruhan-nya, termasuk-lah ra'ayat Kelantan yang sudah bosan dengan pemerintahan P.A.S., yang tidak memberi sedikit pun pembelaan kapada ra'ayat yang telah mengundi kapada Kerajaan-nya itu.

Chabaran dari luar negeri ada-lah merupakan satu perkara yang penting kapada Kerajaan kita, supaya berhati² menjalankan segala langkah dari segala bidang. Kita tentu-lah sedar bahawa negara kita sa-buah negara yang kecil, negara yang baharu membangun. Keinginan kita ia-lah supaya negara kita dapat hidup maju ka-hadapan dengan pesat-nya, terutama kita mahu ra'ayat negara kita yang berbagai² keturunan, hidup dengan mewah dan menuju kapada kemajuan² yang tinggi, sa-bagaimana negara² yang telah maju jua. Hasrat berdiri di-atas kaki sendiri dalam segala bidang ada-lah merupakan satu faktor yang utama yang hendak kita jayakan.

Kedudukan negara² besar seperti Amerika, Britain dan lain² ada-lah merupakan negara² yang sudah sampai kapada peringkat yang paling tinggi dari segi pembangunan dan kemajuan, sa-hingga dapat melancarkan roket² ka-bulan dan membuat senjata² yang paling modern. Saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, supaya negara²

besar ini jangan-lah hendak-nya menjadi batu penghalang atau pun menakutkan kapada negara² yang kecil yang baharu membangun seperti Malaysia ini, tetapi hendak-lah mereka membuka jalan supaya dapat tolong-menolong di-antara negara besar dengan negara yang kecil, yang baharu membangun ini. Dengan jalan demikian Piagam Bangsa² Bersatu kita dapat berjalan dengan sa-benar²-nya.

Kita tentu-lah sedar bahawa apa yang telah di-lakukan oleh negara² besar terhadap negara kita baharu² ini, terutama pada soal pembelian senjata bagi melengkapi pertahanan kita supaya berdiri di-atas kaki sendiri, adalah merupakan satu gertakan dari mereka, tetapi bagaimana yang dikatakan oleh rakan² saya di-Dewan ini, azam kita untuk berdiri di-atas kaki sendiri tidak-lah boleh di-ganggu-gugat dan kita akan terus-menerus menjayakan chita² kita yang sa-patut-nya itu.

Sungguh pun ada negara² besar yang chuba menghalang kemajuan kita, tetapi tidak kurang juga negara² yang bersimpati dengan negara kita yang suka hendak menolong kita dari serba-serbi. Hasrat Pembangunan Negara kita, kita tentu-lah mengalu²kan tawaran pembangunan mereka itu kerana rasa simpati mereka itu terhadap negara kita ini. Maka dari sebab itu-lah sa-kali lagi saya ingatkan kapada Kerajaan supaya di-masa² yang akan datang kita harus-lah beringat² dan berhati² pada menjalankan sa-barang langkah, jika membuat sa-barang perjanjian pertahanan atau persahabatan dari segala bidang kapada negara² besar supaya kita tidak dapat di-abai²kan pada kemudian hari.

Tuan Yang di-Pertua, chabaran dari dalam negeri pula, kita tidak-lah boleh nafikan bahawa kita akan menghadapi masa hadapan dalam mengusahakan Pembangunan Negara, beberapa perkara yang tidak dapat di-elakkan, kita akan tempoh, di-antara-nya akibat dari pengundoran tentera British dari wilayah ini mengakibatkan berpuluh² ribu ra'ayat kita kehilangan pekerjaan, penambahan jumlah² pemuda² yang keluar dari persekolahan yang tidak

dapat mengelakkan diri dari menjadi penganggor di-negeri ini. Penambahan jumlah penduduk² yang berlebihan² ini semua di-antara perkara² yang tentu kita hadapi di-masa hadapan, tetapi atas apa yang telah di-ranchangkan oleh Kerajaan kita, baik dari segi jangka panjang atau jangka pendek, ada harapan kesemua chabaran itu akan dapat kita hadapi jika ra'ayat kita dapat memberikan penoh kerjasama kapada Kerajaan untuk melaksanakan segala ranchangan tersebut.

Apa yang patut di-ambil perhatian oleh Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah sa-bagaimana yang kita semua ketahui bahawa salah satu perkara yang di-ambil berat oleh Kerajaan ia-lah untuk menjaga negara kita dari segi ancaman subversive, dari anasir² luar, khas-nya Kominis yang sentiasa menjadi batu penghalang terhadap keamanan dan ketenteraman negara kita ini. Soal ini pun rasa saya dengan adanya kecekapan alat² negara kita, telah dapat kita atasi dari sa-masa kamasama.

Sungguh pun Kerajaan telah dapat mengelakkan dari ancaman subversive kominis tetapi ada beberapa perkara yang patut Kerajaan mengambil berat terhadap gejala² yang sentiasa menchari jalan untuk merosakkan kegiatan perkembangan ekonomi negara kita melalui bidang² perniagaan dan perekonomanian negara kita ini. Dengan hasrat melalui bidang ini ekonomi negara kita akan lumpoh dan dengan jalan itu jua ra'ayat akan merasakan bosan kapada pemerintah yang ada pada masa ini.

Saya boleh-lah tunjukkan beberapa chontoh yang patut di-ambil perhatian oleh Kerajaan atas perkara ini ia-itu bagaimana kita semua ketahui bahawa maseh ada lagi beberapa banyak estet² yang di-punya² oleh British di-negara kita ini tetapi apa yang saya ketahui bahawa ada sa-tengah² manager² estet telah memainkan peranan-nya dengan tidak sa-chara langsung menjalankan kuasa-nya dengan sa-wenang²-nya terhadap buroh atau pekerja² estet itu. Mereka telah mengancham kebebasan pekerja²-nya untuk menjalankan kegiatan kebajikan pekerja² sa-sama sendiri.

Manager² kulit putih ini tidak suka pekerja² bergerak chergas di-dalam kesatuan² sekerja dan ada pula mereka tidak suka pekerja²-nya bergiat dalam segala lapangan sosial dan lain² yang mana itu semua di-anggap akan merosakkan kepentingan ladang²-nya itu. Ada-kala-nya pekerja² estet ini di-ambil dan di-buang dengan sa-wenang²-nya dan ada kala-nya semasa mengundi pilihan raya mereka tidak di-beri kemudahan² untuk mengundi. Perkara ini telah pun berlaku di-kawasan pemilihan saya sendiri ia-itu Lanadron Estate dan mungkin jua berlaku di-banyak ladang² kepunyaan Inggeris yang mana ini mungkin satu chara dengan tidak sa-chara langsung melemahkan semangat ra'ayat dan chara merosakkan perlaksanaan ekonomi negara dari segi ladang² itu.

Saya harap Kerajaan akan mengambil perhatian yang berat atas perkara ini dan jika di-dapati perkara ini benar² berlaku tindakan sewajar-nya hendaklah di-ambil dan kita tidak-lah mahu gejala² yang merosakkan kemajuan negara ini dudok berleluasan di-negara kita ini dan mereka hendak-lah dengan seberapa segera-nya di-tarek kebenaran pekerjaan-nya dan pulang ka-negeri asal-nya dengan sa-berapa hormat-nya.

Bagitu jua hal-nya dengan perusahaan² dan di-gudang² yang tumbuh dengan banyak-nya di-negeri kita ini. Jika kita tidak mengambil perhatian yang berat dari segi pengambilan pekerja² sudah barang tentu soal ini jua akan menjadi satu beneh yang tidak sa-chara langsung merosakkan kepentingan negara kita ini. Salah satu daripada-nya, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu pelaksanaan undang² kebenaran pekerjaan ia-itu (Work Permit) hendak-lah di-jalankan dengan sa-berapa tegas dan dengan sa-berapa segera yang boleh. Dengan lambat-nya berjalan kehendak undang² ini kita maseh dapati majikan dengan sa-berapa daya upaya telah tidak menghiraukan kehendak undang² ini, dan maseh kita dapati beberapa banyak lagi pekerja² negara asing di-tempatkan bekerja di-dalam negara kita ini mithal-nya P.U.B. Johore Bahru. Dan beberapa buah gudang² di-negeri kita ini. Tindakan

atas perkara ini hendak-lah di-ambil perhatian yang berat supaya kepentingan pekerja² kita dari negeri kita akan terjamin. Di-gudang², apa yang saya ketahui, Tuan Yang di-Pertua, maseh ada lagi majikan² yang sentiasa mementingkan keuntongan diri-nya sendiri tetapi tidak memandang kapada kepentingan negara dari segi tenaga manusia yang di-gunakan itu. Mereka juga tidak menghiraukan kepentingan pekerja² dengan di-beri gaji yang terlalu murah tidak sa-jajar dengan barang² keperluan di-negeri kita ini. Kadang² kita maseh dapati ada sa-tengah² pekerja di-beri gaji yang sangat murah sa-hingga sampai enam puluh atau tujuh puluh sen sa-hari. sudah-lah gaji yang sangat murah di-berikan kapada mereka, kedudukan pekerja itu pula terancham dengan berbagai² chara dan ada kala-nya sedikit sahaja kesalahan mereka telah di-buang kerja dengan sewenang²-nya dengan alasan tidak layak atau sebagai-nya. Pembuangan kerja kapada pekerja² gudang ini sering sahaja berlaku sa-telah mereka itu lama sedikit bekerja di-tempat itu, kerana majikan tidak mahu menaikkan gaji sa-telah mereka itu lama bekerja tetapi jika di-ambil pekerja yang baharu, maka gaji-nya akan murah kembali, maka majikan akan dapat untung besar.

Saya berharap di-samping Kerajaan membuat kajian berkenaan dengan gaji² pekerja maka hendak-lah satu peratoran kerja dan gaji di-buat untuk pekerja² gudang sesuai dengan perniagaan di-gundang² itu.

Kegelisahan pekerja² dari segi ini jua ada-lah satu perkara yang akan merosakkan kepentingan ekonomi negara kita dari sa-masa ka-semasa.

Pada akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, kemerosotan ekonomi negara kita jua ada-lah dengan sebab, saya nampak, ia-lah keinginan ra'ayat untuk bertumpu² di-kawasan² yang sesak² arti-nya kedudukan pendudok² yang tidak sa-imbang pada tiap² satu tempat. Mereka suka hidup di-kawasan bandar² yang di-tempat itu telah pun sesak dengan keadaan ra'ayat yang telah sedia ada di-situ. Maka saya

berharap Kerajaan hendak-lah membuat satu kajian chara mana kehidupan penduduk² ini dapat di-persaibangkan bukan sahaja penduduk² yang ada di-dalam Malaysia Barat ini tetapi di-antara Malaysia Timor dan Malaysia Barat yang mana dengan chara membuat persaibangan Malaysia Timor dan Malaysia Barat ini ada-lah satu chara yang lebeh baik untuk ra'ayat negeri ini menjalankan peranan sara hidup-nya sa-hari². Usaha Kerajaan mengambil pekerja² buroh berhijrah ka-Sabah ada-lah satu perkara yang sangat patut di-perbesar dan di-galakkan kerana ini ada-lah satu jalan yang sangat sesuai mengikut keadaan perkembangan kehidupan di-antara kedua² buah negeri, Timor dan Barat ini.

Tuan Haji Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah mengemukakan Anggaran Pembangunan tahun 1969 berjumlah \$889,446,354 itu termasuk-lah beberapa projek² yang baharu dan gantungan harapan ra'ayat yang lebeh cherah, yang baik pada masa akan datang ternyata. Di-dalam Dewan ini izinkan-lah saya bagi pehak kawasan saya Melaka Utara menguchapkan sa-tinggi² tahniah kapada pemimpin negara kita Yang Teramat Mulia Tunku dan juga tidak asing kapada Yang Amat Berhormat Tun Razak kerana kami di-negeri Melaka sa-telah di-pimpin dengan Rancangan Pembangunan Tanah Melayu Yang Pertama dan Pembangunan Malaysia Yang Pertama yang lalu ra'ayat telah bersungguh² menerima dan mengikut apa² yang di-atorkan atau pun di-ranchangkan oleh pehak Kerajaan sa-hingga di-mana² sahaja kita dudok atau pun kita pergi di-dalam kawasan saya khas-nya dan juga di-serata Malaysia ini nama Tun dan nama Tunku tidak asing lagi. Ini saya suka tunjukkan kapada pehak² yang tertentu di-dalam Dewan ini terutama sa-kali kapada sahabat² saya daripada pehak Pembangkang yang ada sa-tengah²-nya menyindir Anggaran Perbelanjaan Pembangunan ini dengan berbagai hal dan berbagai keadaan tetapi mari-lah kita tengok dengan

nyata perkembangan² yang berlaku di-Melaka mithal-nya pada tahun 1959 apabila kita menjanjikan kapada ra'ayat bahawa kita akan membawa ra'ayat kapada zaman yang lebeh maju sa-telah kita menchapai kemerdekaan. Kita akan memberi ra'ayat dengan erti yang sa-benar²-nya hendak memenohkan erti kata merdeka tetapi perkara ini tidak dapat di-hapuskan dengan sa-kali gus kerana ada sa-tengah² ra'ayat yang memikirkan hanya gula² atau pun janji lunak yang telah di-keluarkan oleh pemimpin Perikatan.

Tetapi proses ini berjalan, Tuan Yang di-Pertua, apabila sampai pada tahun 1964 ada lagi sa-bahagian kechil orang² yang tidak faham tetapi apa yang menggembirakan yang saya suka hendak menyatakan di-Dewan ini ia-itu pehak orang² yang tidak puas hati atau orang² yang sentiasa menudoh atau pun yang barangkali di-hasut untuk tidak mahu faham dengan ranchangan² yang di-anjorkan oleh Kerajaan Perikatan apabila menyedari pada hakikat-nya yang sa-benar kerana ada juga sa-tengah² pehak² yang tidak bersetuju dengan ranchangan Kerajaan ini mempunyai fikiran yang baik pada satu² peringkat.

Saya beri chontoh ini kerana di-antara orang² yang menukar pendapat, yang menukar pandangan, yang menukar langkah dan tektik perjuangan di-dalam tanah ayer kita ini ada-lah kawan² mereka yang berpengaruh juga. Saya suka nyatakan apa-kah yang di-uchapkan oleh sahabat saya yang bertanding dengan saya sendiri ia-itu Dr Sulaiman anggota Parti Buroh yang bertanding dalam kawasan Melaka Utara. Apa yang di-katakan-nya kapada saya ketika beliau hendak masok parti UMNO ini saya suka hendak nyatakan di-Dewan ini biar-lah pehak² rakan mereka yang lain² sedar dengan sa-sungguh-nya. Doktor Sulaiman, saya minta ma'af menyebut berkali² nama sahabat saya ini kerana beliau ini telah mengambil sikap yang tegas melangkah ka-dalam satu parti dengan perkara² yang tertentu. Doktor Sulaiman ia-lah orang yang berpengaruh dalam Parti Buroh saya katakan kerana dalam pilihanraya

tahun 1964 beliau di-beri dua kerusi satu Dewan Negeri dalam kawasan Tampin dan satu lagi Parlimen dalam kawasan Melaka Utara berlawan dengan saya sendiri. Kemudian apabila beliau mengikuti perkembangan daripada apa yang di-atorkan yang di-susunkan atau apa yang di-kerjakan oleh Perikatan, beliau datang kepada saya dan berchakap tidak berguna kita berchanggah di-dalam hal politik ini walhasil mimpi saya ketika saya menjadi sa-orang ahli perubatan ketika dahulu telah pun nampak nyata yang telah di-nyatakan oleh prektis² bagi pehak Perikatan. Jadi kemasokan sahabat saya Yang Mulia Dr Sulaiman ini ka-dalam UMNO bukan-lah ikut², bukan lompat² dan bukan-lah dengan di-pengaruh oleh satu² janji atau pun perkara² yang bukan² tetapi sa-telah mengikuti proses kemajuan pembangunan negara kita dari satu masa ka-satu masa yang memberi jaminan, yang memberi ranchangan² yang tertentu dan yang mencerahkan zaman gemilang negara kita pada masa akan datang.

Bagitu juga orang² yang lain di-Melaka saya rasa yang menjadi kenyataan benar ini saya hendak cheritakan kepada sahabat² saya orang² PAS, orang² Parti Ra'ayat saya boleh sebutkan nama² mereka ini yang semua-nya tokoh² Ja'afar Tan telah bertanding dua tiga kali di-atas tiket Parti Ra'ayat atau Sosialist Front ketika itu tetapi rujok kerana melihatkan benar-lah Perikatan ini memberi layanan atau memberi kemajuan kepada ra'ayat dengan sa-sungguh-nya. Kemudian daripada itu parti PAS pun beberapa orang yang telah bertanding, orang yang telah di-pileh, orang yang telah diputuskan oleh parti untuk memperjuangkan akan dasar² parti kalau beliau ini menang, tetapi mengambil sikap sa-telah sahaja bertanding umpama-nya Tuan Haji Din bertanding dalam pilihanraya kechil di-kawasan Sungai Baharu, sa-telah itu melihat apa yang kita terangkan dalam kempen² pilihanraya maka dia tidak berdaya lagi hendak menentang Perikatan atau hendak menentang UMNO khas-nya di-kawasan luar bandar dan menyerah mengatakan

bahawa UMNO dan Perikatan-lah yang benar² untok hendak membawa ra'ayat kapada zaman kemajuan.

Bagitu juga kawan saya yang mulia Enche' Abdul Rahman bin Hassan yang bertanding atas tiket PAS, Bulan Bintang di-kawasan Masjid Tanah. Beliau pun datang dia memberi kenyataan kepada saya, dan tuan² atau Tuan Yang di-Pertua mengikut dalam berita akhbar yang mengatakan bahawa perjuangan parti² lain sa-lain daripada Perikatan ada-lah perjuangan teori, ra'ayat tidak akan kenyang dengan teori, ra'ayat tidak akan dapat bahagia dengan teori, ra'ayat tidak akan dapat mengechap nikmat erti kemerdekaan dengan teori. Jadi apa yang di-buat oleh Perikatan walau pun tidak tinggi sangat janji² kita, walau pun tidak barangkali berchakap berapi² bagaimana yang di-chakapkan oleh parti² pehak pembangkang ketika bersharah di-atas pentas tetapi kami bagi pehak Perikatan pun membuat apa yang di-kehendaki oleh ra'ayat.

Oleh sebab itu saya meminta Dewan ini menchatetkan ucapan saya ini kerana ini-lah dia semua chakap² atau bisekan daripada orang² ramai daripada ra'ayat yang mengundi menguchapkan terima kaseh yang tidak terhingga dengan pimpinan Perdana Menteri kita yang juga di-anjorkan oleh Timbalan Perdana Menteri maka keadaan negeri kami di-Melaka telah berubah sunggoh. Jadi, dalam hal ini bagi pehak ra'ayat pun faham setakat ini belum lagi sampai pada jangka penghujung sa-satu bangsa yang telah merdeka yang telah dapat menchapai kemajuan bukan-lah daripada perjuangan 10 atau 15 tahun sahaja. Negara² lain yang telah merdeka beratus² tahun dan ada sa-tengah²-nya yang telah lama merdeka tetapi tidak dapat menchapai kema'amoran sa-bagaimana yang telah didapati oleh sa-tengah² negara muda terutama sa-kali saperti Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dalam mengalu²kan atas ucapan Timbalan Perdana Menteri ketika mengemukakan Anggaran Pembangunan tahun 1969 ini rasa besar hati kami orang² di-Melaka kerana Timbalan Perdana

Menteri nampak sangat pantas pandangan-nya. Melaka sa-buah negeri yang kechil yang tidak ada mempunyai tanah² kosong lagi. Jadi apabila disebutkan oleh Timbalan Perdana Menteri bahawa kawasan perusahaan akan di-utamakan pada dua negeri, termasuk salah satu-nya Melaka dan ini-lah satu lagi perkara yang saya hendak uchapkan tahniah kapada Timbalan Perdana Menteri dan saya harap-lah ini akan dapat di-jalankan dengan segera mudahan² tempat² yang kekurangan tanah yang tidak ada barang kali kita hendak beri lagi ra'ayat untuk pindah mengubah nasib-nya dengan hasil² pertanian atau lain² maka di-unjukkan satu benda yang boleh di-gantungkan untuk penghidupan. Hal ini tentu-lah bagi pehak Kerajaan akan memandang ia-itu pada langkah awal ini tidak²-nya beri-lah peluang kami bagi pehak bumiputra ini bersama² masok di-dalam lapangan² yang di-ranchangkan oleh pehak Kerajaan dan saya merayu bagi pehak MARA yang mengambil inisiatif untuk menjadi daya utama dalam lapangan perusahaan dan perdagangan ini dapat memimpin kami bumiputra atau ra'ayat bumiputra yang kurang mempunyai modal dan kurang mempunyai pengalaman atau pelajaran ini untuk MARA ka-hadapan. Pada permulaan ini-lah chuba bagi pehak Menteri yang berkenaan bagi pehak pemimpin² kita memberi perimbangan yang betul² kalau sudah di-jalankan satu atau dua tahun dengan tidak kita jaga pada permulaan, saya rasa perlumbaan kalau makin lama makin tinggal ra'ayat bumiputra, ini juga akan menyusahkan bagi pehak negeri kita pada masa akan datang. Jadi, pada awal² lagi saya di-dalam Dewan ini menyuarakan supaya bagi pehak Menteri² yang berkenaan sama ada Menteri Perdagangan dan Perusahaan sama ada Timbalan Perdana Menteri sendiri dan juga Pengerusi MARA akan dapat mengambil inisiatif ini dan menguntukkan atau membuat jangka² yang menasabah untuk di-imbangkan kemajuan kami bagi pehak bumiputra dengan yang bukan bumiputra pada masa meranchangkan ranchangan tersebut di-Melaka nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengar sahabat saya dari Muar Dalam ia ada meminta kita menghantarkan buroh² ka-Malaysia Timor. Saya juga menyokong pada dasar-nya tetapi ada yang saya hendak rayukan dalam Majlis ini dalam Dewan ini, kerana dalam bulan Julai yang lalu saya dengan tidak sengaja dapat juga berjalan jalan yang akhir pada lawatan saya ka-Sabah dan saya dapat menemui buroh² kita di-sa-bahagian daripada Estate kelapa bali di-Kunak, kalau tidak salah ingatan saya, nama estate di-sana dan ada perkara² yang tersimpan di-dalam jiwa pekerja² yang datang dari Malaysia Barat ini tidak dapat di-suarakan atau pun tidak dapat di-nyatakan barangkali terus kapada pehak² yang berkenaan. Di-dalam Dewan ini, Yang Berhormat Menteri Buroh ada bersama². Saya harap dapat dengar terus ia-itu yang nampak-nya di-runsingkan oleh mereka bukan-lah bekerja—di-mana pun mereka mencari makan untuk bekerja—tetapi hak kebajikan mereka yang di-janjikan—gaji barangkali \$5.00 pada satu hari atau pun beberapa ringgit yang di-janjikan untuk mereka ini dapat menyara anak isteri tetapi apabila sampai di-sana mereka ini di-beri gaji kemudian di-potong pula dengan berbagai² lagi sama ada sewa rumah atau pun yang lain² dan tidak-lah sampai sa-bagaimana \$5.00 tadi dan saya bertanya sa-orang daripada pekerja ini bagaimana-kah pandangan atau pun perasaan atau pun pendapat-nya kalau kira-nya perkara ini dapat di-baiki. Beliau menjawab di-mana pun hendak bekerja juga kalau di-sini boleh bekerja dan dapat kelapangan pun tidak-lah rasa-nya dia hendak berbalek² tetapi chuba-lah fikir kata-nya kalau dia bekerja dalam masa satu bulan kalau tidak dapat menyimpan wang dalam \$10—\$15 betapa hal kalau sesuatu hal terjadi kapada keadaan anak isteri, kapada keadaan keluarga, sedangkan buroh² yang kita hantar ka-Malaysia Timor ini bukan-lah dia dapat tiap² tahun tambang untuk pergi dan balek untuk berhari raya dan lain², ini tidak di-timbulkan oleh beliau tetapi yang di-timbulkan-nya kerana keadaan makan atau pun perbelanjaan sara hidup di-sana lebih mahal dan benda²

ini tidak boleh di-dapati kerana mereka bekerja di-estate kelapa sawit tentu sayor atau pun chili atau lain² tidak dapat mereka usahakan melainkan dengan wang. Jadi keadaan ini patut di-ulang lagi bukan-lah saya menuntut supaya di-naikkan terlampau banyak tetapi saya minta Yang Berhormat Menteri dan juga pehak² yang berkenaan termasuk juga majikan² mereka menimbangkan atas keadaan ini dengan sa-benar²-nya supaya dapat-lah kita mendapatkan pekerja² yang lebeh banyak lagi dan dapat pula kita menolong masaalah penganggorean dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal² yang saya telah ucapkan ketika mendebatkan Belanjawan yang lalu, saya maseh teringat lagi bahawa perkara yang besar hendak di-ulangkan sa-kali lagi dalam ucapan dasar ini ia-lah menyambut ucapan yang Mulia Timbalan Perdana Menteri, yang hendak mengadakan atau hendak menubuhkan beberapa banyak lagi sekolah² latehan kemahiran di-merata² tempat di-dalam tanah ayer kita ini untuk membolehkan belia² atau pemuda² hidup pada masa akan datang. Perkara ini, rasa saya, kalau di-lambat²kan saya nampak perkara ini makin lama makin berat tanggungan kita. Saya sendiri selalu mendengar ucapan² yang di-lemparkan oleh pehak² Pembangkang terutama sa-kali bagi pehak² orang yang sengaja hendak menanggok udang di-ayer yang keroh yang mengatakan Kerajaan kita tidak bersedia, saya nampak ucapan bagi pehak Pembangkang ini tidak ada apa pun yang hendak di-pegang hanya boleh berchakap mengatakan kita tidak bertanggung-jawap dan dalam pada itu tidak ada shor, tidak ada pun chadangan yang kita dengar apa patut di-buat dan sa-tengah² mereka ini berjanji kosong kadang² apabila menghadap belia² atau pun pemuda² di-kampong² atau di-luar² bandar menjanjikan kalau pemuda² menyokong Parti Ra'ayat atau Parti Buroh atau Gerakan mereka akan beri kerja. Saya telah memasang kaki juga ketika mereka ini beruchap. Saya beri kertas kechil, saya suruh minta soal tunjokkan apa kerja-nya kalau mithal Parti PAS memerintah Melaka atau Parti

Gerakan memerintah Melaka atau Parti apa pun memerintah Melaka. Perkara ini bukan semua samar² lagi, bukti sudah nyata Socialist Front apabila berkempen ketika memberi tahu ra'ayat dalam pilihanraya Municipal Melaka mengatakan bahawa kita akan banyak mengambil pekerja² sa-telah menang pilihanraya tetapi orang Melaka faham cherita² hanya cherita itu erti-nya sekarang tidak dapat di-ikut lagi hanya beberapa orang dalam sa-tahun itu sa-kali dia ambil 4-5 orang pekerja² gotong royong-nya hanya menyapu batu nesan. Jadi kalau bagitu keadaan-nya apa yang di-sebutkan oleh pehak Pembangkang ini tentu-lah benda yang boleh kita timbangkan, benda yang tidak menasabah tetapi saya balek samula atas hal Kerajaan kita yang telah pun menubuhkan beberapa sekolah² atau pusat² latehan untuk membolehkan pemuda² kita bertanggung-jawab dan saya minta pehak Kementerian Pembangunan Negara ini kalau tidak menerusi Kementerian Pelajaran atau pun menerusi Kementerian Buroh atau Kementerian yang lain² tetapi patut daripada sekarang membuat satu penyata yang menasabah yang dapat kami akan memberi shor atau pun ra'ayat dapat memberi shor bahawa apa-kah jenis² latehan yang patut di-utamakan. Kerana saya dapat tahu sa-kali lagi saya hendak ulang ada di-antara belia² kita yang sa-patut-nya dapat hidup di-atas sa-keping tanah yang sa-luas 10-15 ekar tetapi kita dukachita apabila kita sampai di-Kampong Baharu, Kuala Lumpur atau Petaling Jaya, Kuala Lumpur atau pun di-pekan² yang lain kita dapati pemuda² yang ibu bapa-nya ada hak 10 atau 15 ekar di-kampong² ada di-sana, kita bertanya apa-kah tujuan-nya mereka datang ka-bandar. Mereka ini hendak menchari kerja sedangkan kerja yang sa-benar-nya ada di-luar² bandar, ada kerja² itu di-luar bandar dan perkara ini apa-kah salah-nya maka mereka ini hanyut ka-bandar² dan sanggup pula menompang di-belakang² rumah orang, kemudian hendak pergi ka-bilek² kadang² lalu di-belakang tandas orang dan mereka ini sanggup hendak dapat upah dalam \$50-\$60 sahaja di-bandar². Walhasil kalau dapat di-luar bandar pada pandangan saya-lah dan pada

pengalaman saya sa-bagai saya orang yang sentiasa dudok di-luar bandar insha Allah sa-saorang itu boleh hidup, boleh dia memakai seluar lembut atau pun barangkali sa-tahun sa-kali membeli kasut kilat kerana kita tahu kalaulah pindah kita ka-bandar sewa rumah sahaja sudah \$40 kemudian tambang bas hendak pergi kerja barang kali sudah \$10 jadi sudah \$50 kemudian, petang² di-bandar ini terlampau panas kita hendak minum banyak sedikit ayer sejok jadi lebeh kurang serupa juga pendapatan mereka. Jadi apa-kah sebab yang belia² ini atau pun orang² yang hendak menchari kerja ini menuju kepada tempat² yang dia hendak harong ini tidak ada atau pun dia kurang pula hal² pelajaran.

Jadi, ini-lah yang saya hendak tegas-kan lagi atau pun hendak merayu kepada Menteri² yang berkenaan supaya dapat menguntukkan kalau kita hendak menyediakan penangkap² ikan yang baik, hendak meranchangkan hal perikanan umpama negeri² atau bangsa² yang telah maju menangkap ikan tuna-kah ikan apa-kah di-tengah² laut patut-lah mesti ada sekolah perikanan yang membolehkan apabila mereka ini tamat daripada latehan di-sekolah perikanan, mereka ini tidak mahu lagi ka-tempat lain, tidak akan meminta kerja kerani, tidak akan pergi ka-tempat lain, dia perchaya dengan menangkap ikan ini dia akan dapat menyara kehidupan-nya dan kalau dia berumah tangga akan dapat menyara rumah tangga-nya dan kalau dapat anak insha' Allah dia akan dapat menghantar anak-nya berpelajaran. Ini-lah tujuan hidup kita. Dan kalau mithal-nya sekolah² latehan pertanian yang ada sekarang ada dua, tiga, empat tempat dalam tanah ayer kita ini tetapi banyak tempat yang hanya mengambil kursus² sambilan sahaja, umpama di-Melaka ada pusat-nya di-Sungai Udang dia melateh hanya dua tiga minggu. Kalau dua tiga minggu sahaja chuma kita ambil pemuda² ini pergi rest sahaja ka-tempat itu dan tukar² fikiran. Lain nampak-nya kurang munafa'at-nya. Dan apabila mereka ini balek, datang balek berjumpa dengan saya dia hendak pergi Kuala Lumpur tolong-lah bagi satu surat akuan, surat rekemen-kah atau

apa² dia hendak menchari kerja di-Kuala Lumpur. Jadi di-Kuala Lumpur dengan latehan Sungai Udang jauh bedza-nya. Latehan Sungai Udang, latehan pertanian bagaimana hendak mengtut pokok bagaimana hendak menanam itu, menanam ini, kemudian apabila sampai ka-rumah saya, saya bertanya apa hal, minta-lah Enche' kata-nya tolong tuliskan, saya kata tulis ini senang tak sampai satu minit saya boleh taipkan, saya aku awak saya kenal, awak baik tetapi awak hendak ka-bandar kemudian apa awak hendak kerja dengan keadaan awak sekarang yang bagini, perlawanan dalam dunia ini bukan-lah senang banyak lagi orang yang mempunyai kebolehan yang lain dan kebolehan yang boleh.

Jadi, ini-lah yang saya hendak menitek beratkan dalam Ranchangan Lima Tahun kita yang kedua ini saya rasa tanggung-jawab kita yang besar sa-lain daripada pertahanan sa-lain daripada hal² yang lain² ia-lah masaalah hendak menjadikan belia² kita, pemuda² kita, menjadi manusia, menjadi manusia yang sa-benar dapat berfikir dengan fikiran yang benar sa-laras dengan orang² yang telah merdeka jangan pakai ikut² orang makan gaji kita hendak makan gaji, jual ice-cream kita pun malas pada hal jual ice-cream saya pernah memberi ucapan di-kampung, saya kata kalau jual ice-cream orang muda² yang paling baik kerana kalau 1,000 batang sahaja laku kita dapat dekat \$10 keuntongan-nya dan kita boleh memilih pula kalau kita hendak meminang kita kata orang yang beli ice-cream ini tak kira, baik orang tua, baik orang muda beli ice-cream dekat kita—saya berseloroh. Tetapi ini pun rasa saya susah mereka ini hendak buat kerana fahaman atau pun pandangan mereka itu terlampau singkat dan kita harapkan satu daya utama di-buat oleh pehak Kerajaan untuk mengarahkan atau menukarkan jalan fikiran ra'ayat yang sa-bagini keadaan-nya kepada ra'ayat yang sunggo² sa-bagai orang² yang telah merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, kerana banyak lagi kawan² saya hendak beruchap saya rasa ini pun kalau hendak di-laksanak-kan perkara² yang saya katakan tadi

ada-lah memberi hikmat yang besar, memberi dorongan yang besar kepada ra'ayat akan memileh lagi Perikatan pada tahun 1969. Ini dapat di-buktikan kerana ra'ayat sekarang bukan-lah boleh di-gelapkan fikiran mereka kerana terang di-hadapan mata dan kepala mereka terbentang kalau mengatakan klinik² tidak berguna dia sudah tahu dahulu tiap² tahun mesti kena duit bidan beberapa ringgit sekarang ini ta' payah lagi. Jadi ini semua benda² yang memberi nikmat yang sungoh² bukan erti-nya boleh dikelirukan: kenyang-kah dengan klinik bidan, kenyang-kah dengan jalan raya, kenyang-kah itu dan ini—ini modal yang sengaja, sentiasa di-laongkan oleh Parti PAS dan Parti Ra'ayat kampakong² yang telah basi.

Walhasil kalau di-ambil satu chontoh yang di-buat oleh ra'ayat sendiri, ketika pemimpin Socialist Front berchakap hendak berkempen pada suatu tempat mengatakan Kerajaan Perikatan membazirkan wang ta' guna tuan² ditunjukkan jalan raya, jalan raya bolehkah makan, bolehkah mengenyangkan tuan², boleh mengenyangkan ibu bapa semua tetapi sa-orang tua dalam kawasan saya ta' payah sebut tempatnya nanti dapat tahu siapa yang berchakap itu biar-lah dia faham apa yang di-chakapkan di-luar. Saya sampaikan di-sini kerana pemikiran ra'ayat; saya hendak bandingkan sekarang pemikiran ra'ayat bolehkah kita chakap semua dia hendak terima 100 peratus atau pun dia menimbangkan sekarang. Sekarang dia boleh menimbangkan, dia boleh berfikir dan dia boleh mengambil keputusan, sa-hingga sa-orang tua driver kereta lembu dia tahan sekejap, apa engkau chakap ini, dia kata jalan raya ta' boleh makan, jadi kalau jalan raya ini tidak guna motorkar pembesar suara lalu jalan raya ini buat apa, lalu-lah atas batas, jadi senyap ta' ada kata lagi kempen² ini tidak ada-lah kata jalan raya tidak guna. Jadi susah parti² Pembangkang kalau dia hendak berchakap atau pun dia hendak menyatakan kepada ra'ayat bukan didekan, bukan tunjokan untuk mendidik budi bichara atau pun pemikiran ra'ayat yang telah merdeka, hanya hendak menggelap²kan bukan-kah ganjil? Kita dalam dunia ini mana negeri jalan

raya-nya first class atau pun yang bagus itu-lah negeri-nya yang maju tidak ada-lah kita hendak naik land rover sampai bengkak² siku kita menahankan; saya pernah juga naik land rover pergi ka-tempat² yang baharu—ranchangan² yang baharu di-buat yang tidak ada jalan raya ra'ayat mengadu dan menangis kerana hendak mendirikan sa-biji rumah kechil pun hingga pechah² bahu-nya memikul tiang, memikul ini, itu, kononkan yang lain hendak mengadakan factory mengapa factory tidak dapat di-adakan di-Pantai Timor, kenapa tidak dapat di-adakan di-tempat² yang jauh dengan jalan raya mithal-nya. Benda ini nampak terang mana tempat yang banyak perhubungan jalan raya itu-lah negeri-nya yang maju dan saya rasa segala ucapan² yang akan mengelirukan ra'ayat pada masa akan datang tentu-lah tidak laku dan saya harap juga-lah ra'ayat akan bersama² dengan Kerajaan Perikatan sekarang ini supaya dapat menyambong sa-mula pemerentahan-nya sa-lepas tahun 1969 kerana ini-lah sahaja Kerajaan yang dapat memimpin, memberi, menunjak dan akan bersama² dengan ra'ayat seluroh Malaysia ini hendak menyamakan negara kita sama tinggi dengan negara lain walau pun dalam hal eletric barangkali, kita terlambat sedikit kita tidak terbang ka-atas sampai ka-bulan tetapi kita puas hati dengan 11 tahun kita merdeka barangkali dua tiga belas tahun yang akan datang ini kita akan dapat menikmati—ra'ayat menikmati, orang ramai dengan perkara² yang menggantungkan mereka ini hidup boleh berfikir pula dan pada masa akan datang akan dapat bersama² dengan orang lain. Sekian terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Idris bin Matsil (Jelebu-Jempol): Tuan Yang di-Pertua, saya akan berchakap dengan sa-berapa ringkas-nya bagi bersama menyokong peruntukan ranchangan pembangunan bagi tahun 1969 yang ada di-hadapan kita pada hari ini.

Sa-telah kita mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar pagi semalam dan sa-telah kita membacha walau pun dengan sa-berapa

ringkas-nya Kajian Sa-mula Rancangan Malaysia Pertama Tahun 1968 hingga tahun 1970, maka saya perchaya bukan sahaja sahabat² saya di-dalam Dewan yang mulia ini telah faham apa-kah kemajuan² yang telah diperolehi oleh negara kita terutama sekali semenjak 10 tahun yang lalu atau dengan lain² perkataan semenjak kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 bahkan seluroh ra'ayat di-dalam negara Malaysia ini, termasuk Malaysia Timor, telah faham apa-kah faedah yang telah diperolehi oleh ra'ayat di-dalam negara kita ini. Walau pun demikian, Tuan Yang di-Pertua, maseh juga kita dapati lagi ulasan², pendapat² yang mengatakan bahawa rancangan² yang telah di-laksanakan oleh Kerajaan Perikatan sa-lama beberapa tahun yang lampau itu tidaklah ada mendatangkan faedah atau kebajikan kepada ra'ayat dan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah akan memberi komen yang lebih panjang daripada yang telah di-ucapkan oleh sahabat saya dari Melaka tadi kerana sa-lain daripada sahabat saya daripada Melaka maka beberapa ramai lagi Ahli² Yang Berhormat di-dalam Dewan ini telah menyampaikan pendapat-nya, bantahan-nya terhadap kepada orang² yang maseh lagi belum nampak atas kejayaan yang telah dapat di-laksanakan oleh Kerajaan Perikatan dalam masa yang saya sebutkan tadi terutama sa-kali ahli² daripada parti Pembangkang, kerana, sa-bagaimana yang kita ketahui itu-lah peranan yang biasa di-lakonkan oleh ahli² parti Pembangkang walau pun apa yang ada di-hadapan-nya itu benar tetapi dalam Dewan ini mereka akan menyuarakan bahawa sa-sungguh-nya perkara itu tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pagi sa-malam, saya berasa sukachita walau pun dengan keadaan yang ada di-dalam negara kita sama ada perkara² yang berlaku di-dalam negara dan juga perkara² yang sedang mengancam daripada luar negara kita, tetapi rancangan atau pun pelaksanaan pembangunan negara dan luar bandar ini

akan di-jalankan juga sa-bagaimana tahun² yang sudah pada tahun 1969 ini. Walau pun kata Yang Amat Berhormat Tun itu pinjaman² yang sa-patutnya dapat di-berikan kepada Kerajaan kita tidak-lah begitu banyak yang diharapkan, tetapi walau bagaimana pun negara kita telah mendapat, atau memperoleh sahabat² baharu terutama sekali daripada negara² di-Eropah Timor dan bersedia akan memberi bantuan² walau pun tidak berupa wang, tetapi pinjaman² yang berupa mata benda dengan lain² perkataan machineries atau sa-bagai-nya dan saya berharap pinjaman² yang merupakan sa-umpama yang saya sebutkan tadi dapat ditumpukan dengan sa-luas²-nya, atau kalau dapat di-tumpukan lebih kepada perusahaan pertanian di-dalam negara kita ini, kerana sa-bagaimana yang kita ketahui terutama sa-kali pada masa² yang akhir ini bagaimana yang sering kita ketahui daripada ucapan Yang Berhormat Menteri Pertanian bahawa tidak berapa lama lagi kalau sa-kira-nya ra'ayat menerima arahan² daripada Jabatan atau Kementerian Pertanian berkenaan dengan usaha² pertanian di-dalam negara ini, maka pada tahun 1970 maka ra'ayat atau penduduk² Malaysia akan dapat berdiri di-atas kaki mereka sendiri di-dalam masalah makanan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendengar dengan gembira ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pagi sa-malam, ia-itu jaminan² yang akan dapat di-beri oleh Kerajaan kepada ra'ayat kita yang mungkin barangkali menganggor oleh sebab penarekan tentera British yang akan berlangsung hingga pada tahun 1971 kelak dan dalam ucapan beliau ada menyebutkan bahawa Kerajaan memang bersedia untuk menyelenggarakan ra'ayat kita yang akan menimpa kemalangan itu dengan membuka beberapa luas tanah lagi dan telah menyebutkan beberapa luas tanah mungkin di-buka di-dalam negeri Pahang dan saya di-fahamkan juga bahawa Kerajaan Negeri Johor telah juga menawarkan beberapa ribu ekar luas tanah di-negeri Johor untuk mereka itu kalau sa-kira-nya mereka itu bersedia hendak menjadi petani membuka tanah² itu, dan saya juga

berharap dan menyeru bukan sahaja dua buah Kerajaan Negeri ini, bahkan beberapa buah Kerajaan Negeri lagi di-dalam Malaysia Barat ini bahkan jikalau ada Negeri² di-Malaysia Timor sa-umpama Sarawak dan Sabah yang boleh menawarkan mereka ini tanah² untuk mereka itu meneruskan pekerjaan-nya, maka saya perchaya keadaan mereka itu tidak akan menyulitkan sangat kapada negara kita.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan ranchangan pembukaan tanah sama ada pembukaan tanah yang telah di-mulakan semenjak beberapa tahun yang lalu sa-umpama tanah² pinggir di-dalam Negeri², atau pun F.L.D.A. yang ada di-merata negeri kita ini yang menumpukan pada awal-nya kerana tanaman getah dan pada akhir² ini telah menumpukan kapada tanaman kelapa sawit. Saya mengeshorkan supaya boleh jadi pendapat saya ini ada-lah pendapat sa-bagai orang biasa sahaja, atau dengan lain² perkataan di-dalam bahasa Inggeris: an ordinary man in the street, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada saya dengar kalau-lah sa-kira-nya getah² yang di-keluarkan di-dalam negeri kita ini boleh di-adakan kilang² untuk memproses getah itu di-jadikan berbagai² barang² sa-umpama tayar dan sa-bagai-nya, maka juga saya dapati dan saya di-fahamkan kelapa sawit ini sa-takat ini hanya menyediakan kilang² untuk menjadikan buah² kelapa itu menjadi minyak dan di-export ka-luar negeri, tetapi pada satu masa yang akan datang ini, saya mengeshorkan kalau pendapat saya ini betul patut-lah juga di-adakan beberapa buah kilang di-dalam negara kita ini supaya memproses minyak kelapa sawit itu di-jadikan pula sa-barang perkara yang kita ketahui pernah di-jadikan terutama sa-kali di-negara² di-luar Malaysia ini, lebeh² lagi rengkas-nya dalam masa pemerintahan Jepun dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Saya perchaya Ahli² Yang Berhormat maseh ingat kelapa sawit ini, atau minyak kelapa sawit ini bukan sahaja di-gunakan sa-bagai minyak, tetapi juga di-gunakan bagi bahan² makanan dan sa-bagai-nya dan kalau sa-kira-nya ada pula kilang² yang boleh memproses minyak kelapa sawit itu untuk di-jadikan berbagai²

chara makanan, ubat dan sa-bagai-nya, maka tentu-lah manakala tiba masa dan ketika-nya kita berharap tidak akan berlaku kalau sa-kira-nya harga kelapa sawit ini merusut, maka sa-kurang²-nya bahan² yang di-jadikan mata benda, atau makanan itu dapat di-gunakan oleh ra'ayat di-dalam negara kita ini.

Keempat, Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar juga daripada ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sa-malam berkenaan dengan tawaran-nya, atau pelawaan, atau galakan-nya kapada private sector di-dalam negeri ini, terutama sa-kali kata beliau Kerajaan suka menggalakkan kalau sa-kira-nya private sector ini hendak membuka tanah dengan berluas²an di-dalam negara kita. Saya perchaya ucapan ini, atau galakan ini ada-lah di-sambut oleh ra'ayat, tetapi bagaimana pun saya berpendapat mungkin kalau tidak ada-lah satu² keterangan yang penoh di-berikan oleh Kerajaan kapada ra'ayat, maka ra'ayat akan berasa churiga di-atas ucapan, atau pun tawaran daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pagi sa-malam, kerana mereka boleh memahamkan bahawa memberi peluang, atau menggalakkan private sector mengambil bahagian membuka tanah ma'ana-nya menanam getah, menanam kelapa sawit, atau lain²-nya. Ra'ayat boleh memahamkan bahawa sekarang Kerajaan kita hendak menjadikan private sector ini sa-bagai keadaan orang² British membuka ladang² getah di-dalam negara kita dahulu. Jadi, mereka tentu-lah lebeh lagi berkehendakkan supaya tanah² yang kosong itu di-bahagi²kan kapada mereka daripada di-bahagikan kapada satu² private sector, atau satu² kumpulan, atau satu sharikat, tetapi saya perchaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tentu-lah ada chara², tentu-lah ada sekim-nya yang tidak akan merugikan ra'ayat di-dalam negara ini, dan atas keperchayaan saya itu, saya ada-lah menyokong atas galakan Yang Amat Berhormat itu supaya memberi peluang yang lebeh luas kapada private sector, membuka tanah² yang maseh luas di-dalam negara kita.

Mengenai perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka melanjutkan, ia-itu peranan yang patut di-ambil oleh private sector terhadap kepada apa yang di-fikirkan boleh menampung terutama sa-kali ra'ayat kita yang menganggor di-dalam negara ini, mithal-nya saya katakan badan² yang berkanun. Sekarang kita ketahui MARA ada mengambil peranan yang penting sa-bagai sa-buah badan yang berkanun yang menampung terutama sa-kali penuntut² yang keluar tiap² tahun yang beribu² orang memberi berbagai² latehan dan dengan tidak ada apa jaminan manakala sa-telah mereka itu di-lateh, maka boleh-lah mereka itu keluar dengan latehan, dengan kepandaian yang ada pada mereka itu menchari berbagai² pekerjaan yang ada di-dalam negara kita ini. Dan saya perchaya mungkin banyak lagi badan² yang berkanun di-dalam negara kita ini yang boleh memberi latehan sa-umpama itu dengan tidak berharap sa-mata² kepada Kementerian Pelajaran sa-bagaimana yang kita ketahui bahawa Kementerian Pelajaran sekarang terpaksa membuka beberapa buah Sekolah Vocational lagi untuk menampung penuntut² yang saya sebutkan tadi, mithal-nya Lembaga Letrik Negara. Kalau-lah Lembaga Letrik Negara boleh sa-bagai sa-buah badan yang berkanun, boleh menampung mengadakan satu institute yang khas sa-kurang²-nya kata-lah mengajar penuntut² kita yang barangkali gagal di-dalam peperiksaan School Certificate, atau pun gagal di-dalam peperiksaan L.C.E., menampung penuntut² itu untuk belajar sa-kurang²-nya belajar bagaimana hendak menjalankan pekerjaan wiring, atau belajar hendak mengetahui bagaimana hendak memasang lampu² letrik dan sa-bagai-nya. Manakala mereka itu sudah berlateh, tentu-lah mereka itu akan mempunyai tambahan latehan yang di-berikan kepada mereka dapat-lah mereka itu keluar di-dalam negara kita ini untuk menchari berbagai² pekerjaan.

Satu daripada chontoh-nya, Tuan Yang di-Pertua, dengan sa-beberapa ringkas saya berikan bahawa Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan ada menjalankan latehan

sa-umpama ini barangkali dengan chara tidak berbesar²an, dengan chara tidak menyiarkan di-dalam surat² khabar, tetapi latehan ini ada di-jalankan manakala Kementerian ini hendak mendirikan rumah ranchangan kilat yang kita ketahui dan Ahli² Yang Berhormat sahabat saya pun mengetahui semenjak empat lima bulan yang lalu yang telah di-lancharkan di-tiap² pelusok di-dalam negara kita ini. Ada beratus² buah ranchangan kilat ini didirikan di-dalam negara kita ini yang berkehendakkan beratus² orang yang di-katakan untuk menjadi kerani pekerja atau di-dalam bahasa Inggeris Clerk of Works dan mereka yang bekerja ini ada-lah penuntut² keluaran daripada School Certificate yang mendapat Grade III atau Grade II yang tidak mendapat pekerjaan yang telah berkerumun memohon pekerjaan ini dan telah di-lateh oleh Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan sa-lama sa-bulan, Tuan Yang di-Pertua, dan sa-lama sa-bulan itu mereka di-lateh sekurang²-nya bagaimana hendak membaca plan, mana dinding, mana jendela, mana tangga dan sa-bagai-nya atau sa-kurang²-nya di-lateh bagaimana hendak membanchoh simin, berapa bahagian simin, berapa bahagian ayer, berapa bahagian pasir, berapa bahagian batu dan mereka ini telah di-lateh dalam masa sa-bulan di-Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan dengan tidak ada apa² bayaran sama ada daripada pehak Kementerian atau daripada murid itu dan mereka itu di-beri-lah kerja sa-bagai Clerk of Works saya katakan tadi di-tiap² ranchangan perumahan itu dengan gaji \$150.00. Walau pun pekerjaan ini temporary atau sementara tetapi setelah mereka itu bekerja sa-lama enam bulan bekerja dengan chara prektikal di-dalam ranchangan² itu saya perchaya lambat laun-nya kalau mereka itu tidak mendapat juga pekerjaan-nya barangkali ada contractor² yang besar yang mustahak berkehendakkan Clerk of Works di-dalam tiap² ranchangan construction-nya akan mengambil mereka itu atau boleh jadi di-antara mereka itu akan menjadi sa-orang contractor yang satu hari besok dia akan menjadi sa-orang jutawan atau pun contractor yang jutawan. Jadi

chara² sa-umpama ini-lah, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dan mengshorkan supaya badan² yang berkanun dalam negara ini sa-lain daripada private sector yang ada juga menampung sekarang memberi sa-banyak sedikit pertolongan supaya jangan menumpukan segala latehan ini kepada Kementerian Pelajaran sahaja.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, daripada pagi semalam sa-hingga pagi ini dan berlarutan petang ini ramailah Ahli² Yang Berhormat daripada sahabat saya beruchap menyentoh perkara² yang berlaku pada masa² yang akhir ini mengenai perhubungan negara kita dengan Kerajaan² yang sa-orang sahabat saya daripada Krian Darat pagi semalam mengeluarkan bapa tua kita dan banyak-lah comment² atau anchaman² yang di-datangkan di atas perkara yang berlaku pada masa² yang akhir ini dan ada juga di-antara yang beruchap supaya bapa baharu kita itu kita junjung tinggi walhal kita baharu sahaja bersahabat dengan bapa baru kita itu dan kita belum lagi dapat mengkaji dengan teliti di-atas tulus ikhlas bapa baru kita itu tetapi bapa tua kita itu walau pun kita telah beberapa tahun dengan mereka tetapi sekurang²-nya kita telah tahu kelakuan mereka daripada dahulu sa-hingga akhir ini. Jadi dengan lain² perkataan, Tuan Yang di-Pertua, saya tujukan bapa tua kita ini boleh-lah di-katakan British, Australia, New Zealand dan Amerika dan bapa baharu kita ini saya tujukan kepada Soviet Union atau sabagai-nya. Jadi saya berpendapat, ini pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah ini, dalam masaalah international sa-umpama ini, dalam masaalah perhubungan international di-antara yang saya sebutkan tadi terutama sa-kali negara² yang saya sebutkan tadi maseh lagi bersahabat dengan kita maka kita patut-lah berwaspada meletakkan satu² keputusan kita yang akhir dan kita berharap dan kita perchaya Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita dan Menteri² yang lain ada-lah sedar dalam perkara ini dan akan mengatasi masaalah² yang sangat bergelora dan yang juga menggelorakan

ra'ayat negara kita Malaysia pada hari ini dan penutup-nya, Tuan Yang di-Pertua, bagi perlaksanaan telah di-jalankan di-dalam ranchangan negara dan luar bandar ini bukan-lah sabagaimana yang di-sebutkan oleh sahabat saya daripada Parit semalam yang memuji² kawasan-nya yang dahulu-nya tidak ada jalan sekarang sudah ada jalan, yang dahulu-nya tidak ada jambatan sekarang sudah ada jambatan, yang dahulu-nya durian 10 sen sekarang sudah menjadi \$1.50 saya perchaya bukan sahaja di-Parit bahkan seluroh kawasan di-dalam Malaysia Barat ini termasuk Malaysia Timor telah mendapat kemajuan yang tidak di-sangka² oleh ra'ayat bahkan telah tidak di-sangka oleh dunia luar sa-kali pun dan bagi pehak kawasan saya yang kechil, Tuan Yang di-Pertua, di-atas kesempurnaan dan perlaksanaan yang pesat itu saya rasa berdosa-lah saya kalau saya tidak menyampaikan sedikit sa-banyak ucapan terima kaseh dan tahniah saya kepada pegawai² tempatan ia-itu pegawai² di-daerah sama ada kechil atau yang besar, yang tinggi, yang kechil pangkat-nya yang telah begitu pesat, yang telah begitu teliti dan kerjasama bersama² dengan wakil² ra'ayat-nya melaksanakan ranchangan ini dan dengan kerjasama mereka itu maka ranchangan itu telah berjaya dan kejayaan itu telah di-saksikan oleh bapa pembangunan kita ia-itu Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak dan kepada mereka itu saya berharap ia-itu kepada kakitangan Kerajaan yang saya sebutkan tadi, saya berharap-lah bahawa kerjasama yang di-berikan itu akan berlanjutan agaknya pada masa² yang hadapan. Terima kaseh.

Tuan Mohd. Arif Salleh (Sabah):

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong penoh peruntokan ranchangan luar bandar yang mana di-ucapkan oleh Timbalan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, semenjak Sabah memasuki Malaysia banyak kemajuan² telah di-chapai dan bagaimana pun maseh ada lagi yang belum siap dan akan di-buat. Di-Keningau terdapat sa-batang jalan Keningau/ Sepulut yang mana di-buat oleh pekerja

tentera Australia yang masih ter-bengkalai—belum sudah. Oleh itu saya minta pada Kerajaan supaya mencari ikhtiar bagaimana menyudahkan jalan² tersebut kerana jalan raya tersebut penting sa-kali untuk menghubungkan daerah Sepulut dan Pensiangan.

Tuan Yang di-Pertua, kerana ke-tiadaan perhubungan di-daerah ini kakitangan Kerajaan yang di-tugaskan selalu menolak. Terdapat sa-orang guru dan sa-orang dresser meletakkan jawatan dengan alasan kerana kesulitan makanan dan sa-bagai-nya. Tuan Yang di-Pertua, di-perantaraan Keningau/ Sepulut ada rancangan Kerajaan per-pindahan kampung yang tetap di-Pendewan atau Pendewan Settlement Scheme yang mempunyai luas 5,400 ekar untuk sawah. Ini saya berharap Kerajaan dapat melaksanakan sa-berapa segera supaya penduduk² di-sekitar Sepulut/Pensiangan dapat me-nikmati-nya.

Tuan Yang di-Pertua, masih banyak lagi jalan² raya di-Keningau dan sekitar-nya yang belum di-siram tar. Bila waktu kemarau, penumpang² sentiasa mengeloh, oleh sebab di-seliputi oleh debu² dan apabila musim hujan, jalan² licin dan susah kereta² meneruskan perjalanan. Kadang² kereta tergelincir dan masuk gaung, seperti jalan Keningau Temburan. Jalan ini sangat penting. Tidak lama lagi jalan ini dapat menghubungi terus ka-Kota Kinabalu. Oleh itu saya minta-lah per-untukan menyiram tar di-jalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami di-Sabah telah pun menghargakan seruan Kera-jaan menanam padi dua kali sa-tahun. Sa-balek-nya ada di-tempat² yang masih belum mempunyai empang dan taliayer seperti di-kawasan saya, di-Ambual Settlement Scheme, mem-punyai luas tidak kurang daripada 3,000 ekar tanah sawah. Ini belum ada taliayer. Masa ini mengalami kesulitan pada pesawah², oleh sebab demikian, saya harap Kerajaan dapat meng-ikhtiarkan supaya mendapat per-untukan melaksanakan empang dan taliayer tersebut.

Di-daerah Keningau Bingkor, Jaba-tan Pelajaran telah mengaku pelajaran

sekolah menengah—telah genap tiga tahun, sa-balek-nya apa yang kesulitan hari ini, bilek² darjah dan rumah² guru tidak ada. Bilek darjah yang di-guna-kan masa ini hanya-lah di-dirikan oleh orang² kampung dengan jalan gotong-royong. Itu pun tidak mencukupi. Oleh yang demikian saya berharap Kerajaan akan memberi Peruntukan sa-berapa segera. Terima kasih.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): (*den-gan izin*) Mr Speaker, Sir, I would like to associate myself with the majority of the previous speakers in complimenting our Yang Amat Berhor-mat Timbalan Perdana Menteri for all that our nation and country has bene-fited by his bold and wise planning in carrying through with a great measure of success the National and Rural Development Programmes since the Alliance Government came into power.

In my constituency of Bagan, the development projects have been the highest and the most dynamic in the State of Penang, and as its representa-tive in Parliament, I must take this opportunity to thank Yang Amat Ber-hormat Timbalan Perdana Menteri and the Government on behalf of my con-stituents for all the progress and developments in Bagan. Sir, it is need-less to say, that with such vast develop-ment one must expect to get problems arising out of the displacement of businesses and employment and also of dwellings. These problems, neverthe-less, are being tackled by the State Government, but whatever the Govern-ment can do, it is not possible to please all those affected. In this instance, I would therefore like to appeal to our people in Butterworth to co-operate with the Government and to make the best of what Government is trying to do for them under the circumstances. On the other hand, I would also like to appeal to the State Government to be sincere and more considerate in tackling these problems.

The Government, Sir, is now putting up five blocks of Low-Cost Housing consisting of about 360 units of dwell-ing houses and 60 units of shophouses in order to house those who will be affected by the development there. Sir,

I am told that each dwelling unit consists of only one sleeping room, one sitting room and one small kitchen, and as most of these families affected consist mostly of Malays and Chinese families who have resided there for some decades, it is natural, Sir, that these families are fairly large, and most of the families have members ranging from 8 to 10 persons in each family and the folks are now worried as to how to accommodate all their children, big and small, in only one sleeping room. Sir, I fully realise that these low-cost houses are intended for workmen with one or two small children in the family, but as these five blocks of housing units are being built in Chain Ferry Road for the explicit purpose of housing those who will be affected by the development there, the State Government should therefore give due consideration to the accommodation of the families resident there. Sir, it is also not too late to remedy the situation, as I understand the foundation for these buildings are only now in the process of being laid and the State Government could still make necessary amendments to the plan to add another sleeping room to these houses. I am sure much of the dissatisfaction would be removed and there would be no difficulty in asking these families to move into the new houses when the time comes.

Sir, another problem is the housing of the businesses there. There are only 60 units of shophouses but, according to the census taken two years ago, there are 73 small and big businesses in the area, and the 60 shophouse units would, therefore, not be sufficient to house all the businesses there. It was originally intended to put up six blocks of housing units consisting of 72 shophouses and 432 dwelling units but, due to reasons unknown to me, the State Government has reduced the housing there to five blocks. although the housing units in the Rifle Range in Penang Island are being built by the thousands. Sir, I have already said some time ago that the heavy increase in population in Butterworth is due to the development of industrial sites and the deep sea wharves in Butterworth, and the Government would have to consider

building more low cost housing in Butterworth, and this additional block of housing units with another 72 dwelling units and 12 shophouses planned for the Chain Ferry Road area will not only save the Government some money but would also help the Government to tackle the problem of acute housing shortage as and when the Prai Industrial Complex is ready in the very near future.

Sir, I understand that it had been the practice for the E.P.F. Board, i.e., the Employees Provident Fund Board, to pay off the contributions of contributors, who wish to retire and stay outside Malaysia, before such contributors depart from this country. However, I am told that this is not the case now, as many of such type of contributors received their money long after they left our country, and long after they arrived at their destination, even in spite of the fact that these contributors had given the usual 60 days notice to the Board of their intention to terminate their employment and leave the country. Sir, this state of affairs is very embarrassing as most of these contributors are poor labourers and they would like to settle their commitments or obligations before they leave the country. I would, therefore, like to draw the attention of the Minister concerned to the utter lack of consideration to this class of contributors by the staff of the E.P.F. Board.

Sir, according to the Labour Code, employers cannot make their employees work more than 8 hours per working day, and not more than six days per week. I wonder if the Labour Ministry has ever checked on all the lodging houses and hotels in Kuala Lumpur, Penang, and other parts of Malaysia, to see how long the employees there work per day—I refer mostly to the second-class and the third-class lodging houses. I know that most of the employees who work in these hotels work more than eight hours per day and they have never had their holiday except when they fall sick. I suggest, Sir, that an immediate check be made on all such lodging houses and hotels, so that the employees working there would not be exploited. These

employees would not dare to grumble or show any discontent, as the slightest sign of discontent would earn for them an immediate sack and they would have to join the increasing ranks of the unemployed.

Sir, finally, I would like to touch a little on the criticisms made by my Honourable friend for Tanjong about the deep sea wharves at Butterworth—he said that a cargo boat recently got stuck up in the mud during the low tide. Sir, if I remember correctly, this is the only solitary case that happened one day before the deep sea wharves became operative. Sir, because several of the boats after hearing that the deep sea wharves would become operative were very anxious to be the first to berth in the deep sea wharves and in their anxiety, I think the skipper of this boat must have gone out of the way and got stuck in the mud during very low tide.

Sir, the wharves have been in operation already for nearly six months now, and I am happy to say, Sir, that the utilisation of the wharves has improved since from month to month. The Port Commission is doing its best to accommodate all opinions, criticisms and even advice, with a view to improve the service there, and then make the deep sea wharves one of the best wharves in this part of the world.

I would urge the Honourable Member for Tanjong to be a little tolerant and not to be too quick to level criticisms at the Penang Port Commission, as he must himself have seen the vast improvement there. Despite criticisms yearly in this Parliament the deep sea wharves at Butterworth have steadily improved, and will be fully operative soon. I wonder when the efforts of the Commission would earn his praise—or is it the policy of the Opposition only to criticise and always to criticise? Thank you.

Tuan D.A. Dago anak Randan (Sarawak): Mr Speaker, Sir, I rise to welcome and give my fullest support to the Development Estimates for 1969 as contained in Command Paper No. 1 of 1969 and Command Paper No. 19 of 1969, and the interesting speech

delivered in this Honourable House yesterday morning by the Honourable Minister of National and Rural Development.

Mr Speaker, Sir, I listened attentively to the most interesting speech delivered yesterday morning by the Honourable Deputy Prime Minister, and I also studied with care and interest the Development Estimates for 1969 as contained in Command Paper No. 1 of 1969 and Command Paper No. 19 of 1969. As a result, I found out that the Estimates are very fair and well-balanced. Mr Speaker, Sir, before I go further, I would like to take this opportunity to offer my heartiest congratulations to the Alliance Government, especially the Honourable Deputy Prime Minister for his courage and determination in presenting these well-balanced Development Estimates for the year 1969.

Mr Speaker, Sir, I would like to make some suggestions and observations on these Estimates.

The New Currency Notes—The new currency notes of \$1, \$5, \$10, \$50 and \$100 should be clearly dated. In other words, the dates indicating when the various currency notes were issued should be printed and shown clearly on the new currency notes, so that the public may know exactly how long they have been in use.

New Identity Cards—Mr Speaker, Sir, in view of the fact that due to ignorance, poverty and very difficult communications very many people in Sarawak, especially those living along the Malaysia-Sarawak/Indonesian border, have not changed their old identity cards for the new ones, I, therefore, Mr Speaker, Sir, strongly appeal to the Federal Government to extend or renew the date, if it has expired. Mr Speaker, Sir, in many cases, at present only half of the new identity card holders' faces can be seen clearly because the smooth, transparent centre polythene identity card cases are not provided with adequate space for the faces of the new identity card holders. I suggest that the Minister concerned will see to it that the

smooth transparent centre of the polythene identity card cases should provide adequate space for the pictures of the new identity card holders' faces.

Representatives of Radio and Information Services from Sarawak—Mr Speaker, Sir, may I enquire whether there is any representative or representatives from Radio Malaysia and Information Service, Sarawak, here for the purpose of recording all the important points or events of the day-to-day proceedings of the Dewan Ra'ayat. If there is none, I suggest that it is high time now that the Government gets one or two representatives, so that the people of Sarawak are well kept informed as to what is going on in this Honourable House.

Development—Mr Speaker, Sir, the Alliance Government will spare no efforts to develop the country's agricultural potential, so as to increase production and thus enrich the people, particularly the rural population. Our country's progress and prosperity also depend on the people's hardwork, the spirit of self-help, racial integration and so on. Mr Speaker, Sir, I am proud to say it publicly here in this Honourable House that the people in Sarawak were full of zeal and enthusiasm and determination in participating in all development projects in the past. Now, I would like to appeal to them to continue to give their fullest support and co-operation to the Alliance Government for the benefit of all to actively participate in all development projects and thus promote the spirit of *gotong royong* to speed up our nation building efforts. Mr Speaker, Sir, the Alliance Government is always willing to raise the people's living standard, particularly in the rural areas. As a result, the nation has achieved remarkable success and progress in her development.

Agriculture—Mr Speaker, Sir, I am interested to know, from the Honourable Minister of Agriculture and Co-operatives, when can he introduce double cropping padi schemes in Sarawak, as the people in the State are eagerly watching and waiting for the arrival of such padi

seeds or the implementation of such schemes. Mr Speaker, Sir, most of the people in East Malaysia, Sarawak, are poor, especially the farmers. In the last many years the farmers have had very poor padi and pepper harvests. It was due to floods; the weather was too dry or too wet; or else the plants and crops were being badly destroyed by insects and certain kind of diseases and also because the price of rubber had declined. I am deeply concerned with their hardships, and I, therefore, strongly appeal to the Federal Government to do everything possible to help and assist them to solve their problems and not to increase any taxation in Sarawak at this stage.

Mr Speaker, Sir, once again, on behalf of the people of Sarawak and myself, I would like to take this opportunity to offer my heartiest congratulations and place on record my deepest debt of gratitude and appreciation towards all the good work done by the Alliance Government under the trustworthy and capable leadership of both the Honourable Prime Minister and the Honourable Deputy Prime Minister. Mr Speaker, Sir, I am confident that the Alliance Government will continue to do the same or even better than in the previous years for the benefit of our people, in particular, and to the nation as a whole. Thank you.

Tuan T. Mahima Singh (Port Dickson) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, in the "Foreword" to this Mid-Term Review, it is mentioned that "The First Malaysia Plan, adopted by Parliament in December 1965 represented a major challenge to the Government and the people of Malaysia". Sir, I would say that this challenge has been well met by the Ministry in charge with the willing and efficient co-operation of the various Departments like the E.P.U., F.I.D.A., M.I.D.F. and the Treasury. It is a compliment to the country that we have such a team of efficient people, who have been able to make more of this First Malaysia Plan than what was anticipated, though as a matter of duty, the Opposition Members have been trying to find a

few faults here and there, but I am sure they have found it very difficult task.

Next, Sir, I would like to refer to paragraph 47, Malaysian Migration Fund Board. This Board is supposed to assist workers to go to Sabah and it is mentioned here that they were successful in helping over 2,000 workers to go across to the other part of Malaysia. I hope that this Board will be able to do more because on one side of Malaysia we have over-employment and on the other side we have under-employment. In this part of Malaya, we are finding increasing unemployment and, if I could refer to page 52, it says that oil palm is also contributing significantly to diversification. It is very good news to the country if new areas are being opened up for oil palm, but if this oil palm is replacing old rubber estates, I am worried about one thing—that it is likely to increase our unemployment. I have been informed that the number of workers required per acre of oil palm is about one-third and in my constituency large areas of old rubber are being knocked down by bulldozers to be replaced by oil palm and unless the company that owns them finds them some better jobs or some other jobs I am afraid the number of unemployed in this country and in my constituency in particular, will increase. However, I have confidence in this particular company—if I may be allowed to mention it, Guthrie and Company. This Company has been in this country for a very long time and it is very far-sighted, and in a very small measure has been helpful in that when one of the small estates in my constituency is in danger of being put up for fragmentation, this Company proposes to take it over, and is in the process of doing so thereby saving about 500 people from being thrown into the unemployment market.

Next, Sir, I would like to speak very briefly on the foreign policy of our country. It has been said by wise people, Sir, that "a stitch in time saves nine". Here, I would like to refer to our friends, the British, the Americans and our neighbours, the Australians

and New Zealanders and to ask them, like my friends, the Honourable Members who have spoken before, not to take too long in making a decision as to where they stand. The people of this country are worried. We are a newly independent country. During the time that we were under the colonial power, we were not given much opportunity to prepare our defences or to train our people to defend ourselves. In addition to that, the population is rather limited. If, due to their own interests, they have to go or they are not able to assist us, they should make it very clear, because in this world nobody survives alone. Even the big powers have to look for friends and if our old friends—we would prefer to keep their friendship—find that because of certain home difficulties they are not able to give us the assistance that we had expected of them, it should be made very clear. But, Sir, I would not like to use hard words against them, because we may not be aware of the full facts which are known to the Cabinet. I would rather leave the final policy making to the Cabinet who, perhaps, have more information than we have. But I would like to say in passing, Sir, that the British Government has always been a very far-sighted Government and, if we have any grouses or complaints, it would be against the present Government in power. Many of the Conservative leaders have suggested that if they came into power, they would, perhaps, reverse the decision that is now being made by the Labour Party; and if the British troops have to be withdrawn East of Suez, I would suggest to them that as a matter of goodwill, as a parting gesture of goodwill, they will not cart away all their military hardwares which in a matter of two years will become obsolete. I do hope that they will leave those behind as a parting present or as a parting gift and not try to sell what is already half-obsolete. I am sure, Sir, that will leave behind goodwill and in the long run they would not feel sorry for it, because Britain still has very large investments in this country, and we would prefer to have a feeling of friendship on both sides.

Sir, touching very briefly on immigration and our neighbour, a short while of three years ago two countries which had come together, Singapore and Malaysia, were separated. I look upon Singapore and Malaysia, Sir, as a sort of Siamese Twins, and we have to live or die together. A sort of operation was performed by the two master surgeons, our two Prime Ministers' and in time to come we may have small things that may irritate the other party. I do hope that when such irritations take place, these would be amicably settled, as was done last year when there was some misunderstanding about Malaysians being employed in Singapore and Singaporeans being employed in Malaysia. Sir, I would appeal to both the Governments that they would not in any way try to interfere with families who have already been settled in the respective areas for some years. I would request the Singapore Government to be particularly considerate to a number of Malaysians who work in Singapore but who live in Johore Bahru as a matter of convenience.

I would also like to mention in passing the friendly relations that now exist between Indonesia and Malaysia, and to say that we should try to encourage more trade between the two countries not only through one port but wherever the two countries come closer to each other. In this respect, Sir, Port Dickson is very close to Sumatra, so near that from Cape Rochado it is possible to see the opposite mainland. As I have mentioned before, a ferry should be started, and I do appeal to the Minister in charge that an Immigration Department be opened to facilitate passport procedure. I think the Minister has partly given his consent to establish or repair a jetty that we have in Port Dickson. The water is deep and there is no mud that will have to be removed every now and then at great cost as we do, perhaps, in Penang.

The other small point that I would like to touch on is on Home Affairs. Every day, we see in the papers robberies and hold-ups right in the heart of Kuala Lumpur, a few yards away

from Kajang Police Station, in Seremban people being robbed. If drastic measures are not taken to check these robberies, I am afraid, Sir, we will soon reach the point of no return, when these criminals, these mischief-makers gain confidence enough and lose fear of the Police that are doing their very best to cope with the present lawlessness. I am not sure whether the punishment that is given to these criminals is not sufficient to frighten them or whether the number of Police is not enough. That is left to the Department to find out, but I would say that we should take very serious action before we reach the point of no return, whereby the public lose confidence in the Police and would be afraid to co-operate with them.

Talking on the Police, again, Sir, there was some news in the paper some time back that they would very soon be having new uniforms. This is welcome news, Sir. The Police uniforms that the policemen wear today are, perhaps, forty or fifty years old, with very little change. We want our policemen to be neat, to be dignified, and with a uniform that is suitable to this country or to this climate.

Talking of incentives, Sir, this Section has played a great part in encouraging foreign investors to invest in Malaysia. As we have heard, Sir, that if a dog bites a man, it is no news, but if a man bites a dog, it is news. This Department has been so efficient that complaints have been so very rare and when there was one complaint from a certain company, when they did not receive their reply in time, it was news in the papers—it was headlined. This only goes to show that how rare the complaints are, but it does show up one thing, that more than one Department are concerned, are affected, when pioneer status has got to be applied or when foreign investors have got to bring in their money. If I may be allowed to suggest, Sir, when any V.I.P. visits the country, he is given a protocol officer to guide him and to show him round. May I also suggest, Sir, that when we have important V.I.P. foreign visitors who wish to invest money in our country, they also

could be given the same treatment of being guided from one Department to another at the quickest possible time?

Since Merdeka, the Government has established several industrial estates—some of them have been very successful and some are slow-starters. In Negri Sembilan, we also have an industrial estate in Senawang, near Seremban, which for some reason or other is a slow-starter. I would appeal to the Ministry to give some encouragement to the investors or give some guidance to the people, who come from abroad, so that more of them could be directed to Senawang near Seremban, and the slow-starter can become more active and more useful, because public money has been invested; and, if the factories are not put up there, the Government is not getting proper returns and some of them who could be employed are still unemployed.

Next, Sir, there was some criticism in this House about the Railways not showing sufficient profits. If I may be allowed to quote paragraph 308, which says: "The principal role of the railways is to provide rapid, regular and economical freight services between the main industrial and market centres, particularly where these are separated by great distances". I would say, Sir, railways are essential to any country whether developing or developed. It is part of our scheme just like the hospitals. We do not expect the hospitals to make a profit, or the schools, or the roads, and this is one of the very essential services that is doing a wonderful job for the country and, if I am not wrong, the Railways are collecting enough money to be able to maintain themselves and, if there is a loss, it is perhaps a temporary loss and, perhaps, the loss is being made up from their own reserves; and we also have to remember that it is a very huge organisation which was completely destroyed during the Japanese Occupation. The wagons and engines were taken away or they were out of repair, and this Department had to start from scratch, and I think we should give them every possible encouragement because they are very

essential to our rural development and they are very essential even if they do not show much profit. That is all, Sir.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih dan banyak tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di-atas ucapan-nya yang panjang lebar di-dalam Dewan ini ketika beliau mengemukakan usul pembangunan negara bagi tahun 1969 ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari semenjak negara kita mencapai kemerdekaan dan dari semenjak di-tubuhkan Rancangan Pembangunan Lima Tahun dengan maksud hendak menchiptakan bahawa Malaysia akan menjadi sa-buah negara makmor, sa-buah negara aman damai dan sa-buah negara 'adil, banyak perubahan² besar telah berjalan dan sedang berjalan dengan pesat-nya. Kesibokan² ra'ayat-nya boleh di-saksikan di-mana sahaja kita berada, di-bandar² besar dan kechil, di-kampong² dan di-desa dan sa-bagai-nya. Ini menandakan tuah baik atau good luck bagi ra'ayat Malaysia di-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, jika di-semak kembali kepada Anggaran² Perbelanjaan-nya pada tiap² tahun senantiasa kedatangan kemajuan iktisad, atau economic development, dan kemajuan masharakat, atau social development ada-lah mendapat tempat keutamaan. Ini ada-lah sejajar dengan ucapan Timbalan Perdana Menteri menambahkan iktisad terutama sekali dalam bidang pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam mengalu²kan usul pembangunan ini, saya suka membawa satu contoh di-dalam Dewan ini, hasil² yang telah di-nikmati oleh sa-buah negeri yang kechil ia-itu negeri Perlis dari semenjak pelaksanaan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara dan Luar Bandar. Tuan Yang di-Pertua, Perlis ada-lah sa-buah negeri yang kechil yang luas-nya hanya 310 batu persegi di-masa yang lampau pernah di-jajahi oleh Siam dan Inggeris, tetapi sa-sudah negara ini mencapai kemerdekaan dan dengan

kejayaan ranchangan pembangunan iktisad khas-nya dalam bidang pertanian, pada hari ini negeri Perlis ada mempunyai sa-luas lebeh kurang 70 ribu ekar tanah bendang berbanding hanya 20 ribu ekar sahaja di-dalam masa penjajah atau dalam masa Inggeris. Daripada jumlah 7,000 ekar itu, sekarang 13,000 ekar tanah dapat di-tanam padi dua musim. Pada tahun 1968 yang baharu lalu telah dapat menghasilkan sa-banyak 30,000 juta gantang padi. Dengan sempurna-nya Taliayer Sungai Muda pada tahun 1970 akan datang ini negeri Perlis akan dapat melaksanakan tanaman padi dua musim lebeh kurang 40 ribu ekar tanah dan dari angka perhetongan yang tersebut di-dalam masa 10 tahun yang akan datang Perlis akan menjadi sa-buah negara pertanian yang makmor dan bahagia.

Ini ada-lah hasil daripada chiptaan daya usaha Ranchangan Pembangunan Negara yang di-pimpin oleh Timbalan Perdana Menteri saperti ranchangan Jayadiri yang telah di-beri kerja-nya oleh ra'ayat negeri Perlis. Dari kejayaan² yang terbesar yang telah

di-main peranan oleh petani² negeri Perlis tetapi tidak juga kurang perkara² yang maseh tidak sa-imbang dan perlu di-pertimbangkan oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang sama² di-ketahui Perlis ada-lah sa-buah negeri yang kechil begitu juga hasil negara-nya lebeh kurang 2 million dalam satu tahun. Maka oleh kerana itu banyak-lah kekurangan² yang akan terdapat di-dalam negeri Perlis. Umpama-nya Perlis mempunyai satu Pusat Pertanian yang berharga mengikut belanjawan negara bagi negeri Perlis hanya sa-banyak \$7,000. Maka di-sini dapat-lah, Tuan Yang di-Pertua, tanah ada mempunyai 70 ribu ekar tetapi perbelanjaan bagi menyelenggarakan Pusat Kemajuan Pertanian hanya \$7,000 sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah chukup. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.30 petang.